


**Jilid III
Bil. 58**



**Hari Isnin
19hb Disember, 1977**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KEEMPAT
*Fourth Parliament***

**PENGGAL KETIGA
*Third Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6671]**

USUL:

**Persempadanan Bahagian Pilihanraya Negeri/Parlimen
di Sarawak [Ruangan 6697]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
(Peruntukan Khas) [Ruangan 6709]**

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 6738]

Rang Undang-undang Bank (Pindaan) [Ruangan 6742]

Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) [Ruangan 6751]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- .. DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- .. TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- .. PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- .. TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- .. TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- .. TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- .. DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI @ CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG, (Selayang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- .. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR. HEE TIEN LAI @ HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO @ WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON @ LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala-Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA @ HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE @ ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG @ SIBUT MIYUT ANAK TAGONG
(Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG. P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE. P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA @ HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 19hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KERTASKERJA DI KONVENSYEN
EKONOMI MALAYSIA

1. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang dimaksudkan oleh Ketua Setiausaha Negara di dalam kertaskerjanya (muka 4) bertajuk 'Administrative Capacity of the Civil Service for Implementing the New Economic Policy' bertarikh 19-21 Mei, 1977 di masa Malaysian Economic Convention ke Empat yang berunyi seperti berikut:—

"the concept of administrative capacity cannot be distinguished and made independent of administrative efficiency...."

adakah "administrative efficiency" ini diakui dan diistilahkan oleh Ketua Setiausaha Negara memberi makna kerjasama Pegawai-pegawai Kerajaan dengan Wakil-wakil Rakyat di masa-masa yang diperlukan seperti menyampaikan penerangan dan berdialog dengan rakyat; sekiranya ini diakui, apakah tindakan yang wajar diambil oleh Jabatan Perdana Menteri, jika didapati seorang Setiausaha Kerajaan Negeri memberi arahan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan di Daerah supaya jangan memberi kerjasama kepada

Wakil-wakil Rakyat, kerana beliau menganggap bahawa jemputan meminta kerjasama Pegawai-pegawai Kerajaan adalah kononnya arahan dari Wakil-wakil Rakyat dan menurut Setiausaha Kerajaan Negeri, Wakil Rakyat tidak berhak meminta Pegawai-pegawai Kerajaan hadir di majlis-majlis dailog.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Ketua Setiausaha Negara dalam kertaskerjanya di Konvensyen Ekonomi Malaysia, setakat mana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam pertanyaannya ialah, dalam tindakan Kerajaan memperbesarkan jentera pentadbirannya, seperti menambahkan bilangan kakitangan, mutu perkhidmatan serta kecekapan keseluruhannya jentera pentadbiran tersebut hendaklah juga ditingkatkan. Peningkatan kecekapan jentera pentadbiran adalah dilaksanakan melalui tindakan-tindakan seperti memberikan latihan, menempatkan semula kakitangan, perubahan-perubahan cara kerja dan perubahan sistem untuk memenuhi hasrat rakyat.

Sungguhpun begitu, kerjasama di antara Pegawai-pegawai Kerajaan dengan Wakil-wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan dengan rakyat dan di antara Pegawai-pegawai Kerajaan sendiri menyumbangkan meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran secara keseluruhan. Dengan adanya kerjasama sedemikian akan terjalinlah perasaan faham memahami akan proses-proses perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Ini akan membolehkan proses

pelaksanaan projek-projek pembangunan berjalan lancar.

Dari segi prinsip dan amalan, Pegawai-pegawai Kerajaan sememangnya diharapkan untuk sentiasa berhubung dan bekerjasama dengan rakyat jelata dan Wakil-wakil Rakyat.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

2. Tuan Chin Hon Ngian minta Menteri Kewangan adakah benar bahawa pekerja-pekerja wanita dikehendaki bersara pada umur 50 tahun berbanding dengan umur bersara 55 tahun pekerja lelaki dan samada beliau sedar bahawa bila sampai masa mengambil balik wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pekerja-pekerja wanita terpaksa menunggu hingga mereka sampai umur 55 tahun barulah mereka boleh mengambil balik jumlah caruman wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mereka; dan

- (a) oleh kerana pekerja-pekerja wanita bersara lebih awal yang bermakna bahawa mereka memerlukan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mereka lebih awal, bolehkah Menteri itu menimbangkan mengeluarkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 5 tahun lebih awal, iaitu pada umur 50 tahun bagi pekerja-pekerja wanita.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan selalu sangat dibangkitkan di Dewan ini, boleh dikatakan pada tiap-tiap persidangan. Walau bagaimanapun, saya akan sekali lagi memberi penjelasan.

Seperti yang saya selalu jelaskan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah ditubuhkan dengan objektif untuk memberi jaminan faedah masa tua kepada pekerja-

pekerja. Untuk memastikan pencapaian objektif ini Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 telah menetapkan syarat-syarat di mana caruman di dalam KWSP boleh dikeluarkan. Satu daripadanya ialah apabila pekerja tersebut telah mencapai umur 55 tahun, iaitu umur persaraan bagi pekerja-pekerja Kerajaan, oleh kerana itu disifatkan sebagai masa tua pekerja-pekerja. Selain daripada itu pekerja-pekerja juga dibenarkan mengeluarkan $\frac{1}{3}$ daripada caruman mereka di dalam KWSP apabila meningkat umur 50 tahun.

Syarat-syarat pengeluaran wang yang ditetapkan oleh KWSP sekarang adalah berpatutan dengan objektif penubuhannya memandangkan kadar hayat (life expectancy) di negara ini bagi kaum wanita adalah lebih tinggi (70 tahun) daripada kaum lelaki (65 tahun) sahaja.

Oleh yang demikian, sebarang cadangan untuk meminda Ordinan KWSP 1951 untuk membolehkan pengeluaran wang yang lebih awal akan melemahkan tujuan utama penubuhan KWSP iaitu untuk memberi jaminan dan faedah kewangan kepada pekerja-pekerja di masa tua.

HARGA GULA

3. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada terdapat sebarang kemajuan dalam lanjutan perbincangan Kementerian beliau dengan Kerajaan Australia untuk menurunkan harga gula di bawah kontrak dengan Australia sesuai dengan harga pasaran dunia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ayer Hitam di dalam Dewan yang Mulia ini pada 27hb Oktober, 1977 lalu saya telah menyatakan bahawa Malaysia telah

mengadakan perundingan semula dengan pihak Australia pada penghujung tahun 1976 untuk mengkaji semula Perjanjian Bekalan Gula Jangka Panjang yang telah ditandatangani dalam tahun 1974. Kerajaan telahpun mengadakan satu lagi perundingan semula sejak akhir bulan November, 1977 lalu dan perundingan ini masih lagi dijalankan.

ASIA BARAT — KRISIS

4. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar rundingan damai di Asia Barat telah menjadi perbalahan di negara-negara yang terlibat dan membimbangkan kedamaian dunia; jika sedar, apakah sikap Kerajaan Malaysia dari segi antarabangsa bagi mencampuri supaya tercapai keamanan seperti sediakala, jika tidak kenapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengikuti dengan tekun semua perkembangan-perkembangan mengenai krisis di Asia Barat dan termasuk juga usaha damai yang sedang diusahakan sekarang.

Sebagaimana Dewan ini sedia maklum, krisis ini berlaku disebabkan pencerobohan oleh Israel ke atas Wilayah Negara-negara Arab dan keengganan Israel mengiktiraf hak-hak orang-orang Palestin. Keengganan ini membuat suasana lebih tegang di kawasan itu menjejaskan keamanan dan keselamatan dunia.

Usaha damai yang diuruskan sekarang adalah bertujuan untuk menjaya sidang damai di Geneva di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu, yang melibatkan Negara-negara Mesir, Syria dan Jordan, serta orang-orang Palestin; dan juga kedua-dua pengerusi bersama sidang Geneva itu iaitu Amerika Syarikat dan Russia.

Tidak ada negara-negara lain yang terlibat dalam perundingan itu. Oleh itu Malaysia tidak akan melibatkan dirinya di dalam usaha damai ini. Walau bagaimanapun, kita akan terus memberi sokongan kepada perjuangan orang-orang Arab dan Palestin.

Kita telah membuat pendirian kita dan saya tegaskan sekali lagi di sini, iaitu untuk mencapai perdamaian di Asia Barat, Israel mestilah mengundurkan diri dari semua kawasan-kawasan kepunyaan Arab dan mengiktiraf hak-hak mutlak orang-orang Palestin, termasuk hak-hak mereka untuk mendirikan sebuah negara mereka sendiri.

HARGA BUKU DAN MAJALAH

5. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa harga buku-buku, majalah-majalah dan lain-lain bahan bacaan adalah sangat tinggi. Jika benar, adakah beliau hendak memasukkan perkara-perkara ini di bawah barang-barang yang dikawal harganya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang masaalah harga buku-buku, majalah dan lain-lain bahan bacaan. Sebenarnya, pihak Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masaalah harga buku-buku, majalah-majalah dan lain-lain bahan bacaan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mewajibkan tanda harga ke atas semua jenis buku-buku dan majalah-majalah di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit), 1977. Hasil dari tindakan ini, pengguna-pengguna boleh membuat perbandingan harga dan memilih yang paling rendah sekali.

Kementerian tersebut juga sedang menjalankan pengawasan terhadap harga buku-buku yang diimpot dengan cara menetapkan kadar pertukaran matawang-matawang

Pound Sterling, Dollar Amerika, Dollar Australia dan Rupee India pada tiap-tiap enam bulan sekali. Pengawasan itu dijalankan secara persetujuan sukarela dengan pihak-pihak yang terlibat dalam perniagaan buku. Dengan cara ini harga buku-buku impot dapat ditetapkan mengikut kadar-kadar pertukaran yang lebih munasabah dan berpatutan.

LATIHAN KEPADA NELAYAN

6. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah galakan tidak diberi ke atas cara moden menangkap ikan dan di sebaliknya cara lama pula yang diutamakan sepertimana yang didakwa oleh nelayan-nelayan Kuala Sanglang dan cara moden menangkap ikan adalah digemari oleh mereka kerana ini memberi mereka lebih banyak hasil. Apakah sebab-sebab yang cara lama ini diberi galakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan Kementerian saya bukan sahaja memberi galakan tetapi juga melatih nelayan-nelayan melalui perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan dan gerakan-gerakan latihan formal bagi tujuan memperbaiki lagi kaedah-kaedah menangkap ikan yang sedia ada dan untuk mendapatkan kaedah-kaedah menangkap ikan cara moden. Bagi tujuan memodenkan cara menangkap ikan, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan sebanyak \$70 juta disediakan untuk rancangan Subsidi berbanding dengan \$2.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Ini akan membantu mereka mengeksploitasi sumber-sumber ikan yang lebih jauh diperairan dalam dan bagi tempoh masa yang lebih panjang. Di samping itu sekiranya terdapat cara-cara lama yang boleh menangkap ikan dengan banyaknya, maka cara-cara itu juga adalah digalakan.

ORANG-ORANG CACAT

7. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kebajikan Am menyatakan bilangan orang-orang cacat yang sudah dilatih dan dapat bekerja dengan Syarikat-syarikat Perniagaan dan Pejabat-pejabat Kerajaan di seluruh negara kita ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick anak Uren): Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang cacat yang sudah dilatih di seluruh negara sejak tahun 1966 adalah berjumlah seramai 1,839 orang. Bilangan yang diketahui bekerja dari tahun 1972 hingga tahun 1976 dengan Syarikat-syarikat Perniagaan adalah seramai 243 orang, dan dengan Pejabat-pejabat Kerajaan dan bengkel-bengkel perlindungan Kerajaan seramai 570 orang.

IKLAN DI TV

8. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat terlalu banyak "iklan" dalam siaran-siaran TV samada Siaran Nasional atau yang lagi satu, jika sedar adakah Kementerian berkenaan bercadang hendak mengurangkan iklan-iklan perniagaan itu.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian Kementerian ini bilangan iklan-iklan dalam siaran TV Malaysia adalah munasabah.

Sebaliknya bilangan iklan-iklan yang ditayangkan di beberapa rangkaian TV Malaysia boleh dianggap sebagai terlalu kurang jika dibandingkan dengan bilangan iklan yang ditayangkan oleh stesyen-stesyen TV di rantau ini dan di lain-lain negara.

Biasanya TV Malaysia hanya menyiarkan 3½ minit untuk iklan antara dua rancangan

bagi jangkamasa rancangan satu jam. Oleh yang demikian, jangka masa purata ruang ialah kira-kira 10½ minit untuk iklan dalam masa rancangan dua jam TV Malaysia.

Di negara lain, terdapat siaran rancangan-rancangan selalu dipotong untuk memasukkan iklan. Kerapkali terdapat hingga lima ruangan iklan dalam masa satu jam. Jangka masa tiap-tiap ruangan iklan ini ialah antara 2½ hingga 3 minit. Adalah menjadi kebiasaan bagi lain-lain stesyen TV menyiarkan iklan berjumlah kira-kira 28 hingga 30 minit dalam masa dua jam.

Dari itu nyatalah bahawa bilangan iklan yang ditayangkan oleh TV Malaysia merupakan hanya ⅓ sahaja dari bilangan iklan yang ditayangkan oleh TV di negara-negara lain.

Bersabit dengan hal ini, saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa RTM pada tahun 1976 telah memperolehi sebanyak lebih kurang \$16 juta sebagai pendapatan dari siaran-siaran iklan di TV.

LATIHAN KEPADA KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN

9. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan samada sedar ramai kakitangan Jabatan Kesihatan tidak puashati dengan sikap Kementerian tidak memberikan peluang keutamaan kepada mereka yang banyak mempunyai pengalaman mengikuti berbagai latihan kemahiran selain dari yang telah diperolehi semasa latihan yang lalu baik dalam negeri ataupun di luar negeri. Jika sedar, apakah tindakan bagi menghapuskan perasaan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar terhadap keperluan pegawai-pegawainya diberi latihan lanjutan untuk memperbaiki dan mengemaskini pengetahuan dan kemahiran mereka. Kemudahan-kemudahan

bagi maksud ini terdapat di dalam dan di luar negeri.

Dalam urusan memilih calon, walaupun pengalaman dan ke kanan adalah perlu tetapi adalah mustahak ditentukan bahawa pegawai-pegawai yang dipilih bagi latihan lanjutan benar-benar sesuai dan akan mendapat faedah dari program latihan dan apabila tamat latihan akan dapat memberi layanan yang lebih baik dalam perkhidmatan kesihatan.

BAS — KENAIKAN TAMBANG

10. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab terdapat kenaikan tambang bas sebagaimana diumumkan olehnya baru-baru ini sungguhpun kebanyakan syarikat-syarikat bas masih belum lagi menghantarkan penyata-penyata tahunan mereka kepada Kementerian beliau untuk pemeriksaan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, memang benar tidak kesemuanya syarikat-syarikat bas menghantar penyata-penyata tahunan mereka kepada Kementerian saya untuk pemeriksaan, tetapi sebilangan besar daripadanya telah bekerjasama dengan cara mengemukakan penyata-penyata mereka sebagaimana yang dikehendaki. Namun begitu kebanyakan penyata-penyata yang diterima ini menunjukkan kedudukan paras perniagaan yang sama terdapat kepada kebanyakan syarikat-syarikat yang lain dalam ertikata apa yang berlaku pada syarikat-syarikat ini bolehlah dianggap sebagai berlaku juga kepada syarikat-syarikat lain. Dengan demikian keputusan yang dicapai oleh Kerajaan berasaskan kepada laporan-laporan yang telah diperolehi tidaklah bercanggah benar dengan keputusan yang akan diambil sekiranya Kerajaan menunggu dan membuat keputusan berasaskan kepada semua laporan-laporan syarikat-syarikat bas. Cara ini bukan sahaja mengambil masa yang

lama tetapi kesimpulannya adalah sama. Itulah sebabnya mengapa pihak Kerajaan membuat keputusan walaupun tidak kesemua syarikat-syarikat bas menghantar penyata-penyata tahunan mereka.

HOSPITAL DAERAH TANJONG KARANG

11. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah rancangan menambah bangunan Hospital daerah Tanjong Karang akan dimulakan. Apakah sebab-sebabnya maka tergendalanya rancangan ini yang sepatutnya pada hari ini sudah siap; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa wad-wad di Hospital tersebut memerlukan pembaikan terutama kepada sistem wayarnya dan lain-lain Dewan Pembedahannya tidak lagi sesuai digunakan. Jika ya, apakah tindakan dan langkah yang telah dijalankan.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Jabatan Kerjaraya telahpun memanggil tawaran dalam bulan Jun tahun ini dan pembinaan akan bermula dengan secepat mungkin sebaik sahaja proses tawarannya beres kelak.
- (b) Pada tahun 1977 Kementerian saya telah memperuntukkan sebanyak \$98,500.00 kepada pihak Jabatan Kerjaraya untuk kerja-kerja membaiki seperti berikut:
 - (1) Memasang semula sistem wayar di wad-wad dan bangunan Hospital Daerah Tanjong Karang — \$18,000.00.
 - (2) Penyelenggaraan letrik berjumlah \$2,500.00.

- (3) Penyelenggaraan bangunan-bangunan perubatan berjumlah \$5,000.00.
- (4) Memasang alat hawa dingin di Dewan Pembedahan berjumlah \$73,000.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha memasang alat hawa dingin di Dewan Pembedahan telahpun selesai dan sedang berjalan dengan baik dan memuaskan. Mengenai usaha untuk memasang semula sistem wayar di Hospital Daerah Tanjong Karang serta penyelenggaraan letriknya pihak Jabatan Kerjaraya telahpun mengkaji sejauh penyelenggaraan yang diperlukan dan pihak Jabatan Kerjaraya sedang mengambil tindakan dalam perkara ini. Penyelenggaraan bangunan-bangunan perubatan telah selesai kecuali kerja untuk memasang semula sistem wayar dan penyelenggaraan letrik yang dijangka akan dibereskan sebelum akhir tahun ini.

MURID-MURID SEKOLAH

12. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Pelajaran menyatakan, samada beliau sedar bahawa dengan bertambahnya penduduk-penduduk di dalam Kawasan Ampang, Selangor, maka sekolah-sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung bilangan murid-murid yang kian bertambah setiap tahun dan samada pihak Kementerian bercadang mendirikan sekolah-sekolah tambahan di beberapa tempat yang tertentu di sekitar Kawasan Ampang.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan keadaan itu. Pertambahan murid-murid hasil dari perpindahan penduduk-penduduk dan berkembangnya projek-projek perumahan telah menyebabkan sesebuah kawasan itu memerlukan sebuah sekolah baru atau bilik-bilik darjah untuk sekolah-sekolah yang sedia ada. Keadaan seperti ini berlaku di mana-mana di negara kita, terutamanya di kawasan sekitar

Wilayah Persekutuan. Mengenai masalah di Kawasan Ampang Kementerian Pelajaran akan memberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

WAKIL PENJUAL/PENGEDAR BUMIPUTRA

13. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa bilangan wakil penjual atau pengedar minyak gas atau minyak tanah telah diper-setujui atau dilantik yang bercorak Syarikat Bumiputra atau bukan bumiputra di Sarawak semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat hingga bulan Oktober, 1977 terdapat sejumlah 14 buah Syarikat Bumiputra berbanding dengan 123 Syarikat Bukan Bumiputra dilantik sebagai wakil penjual atau pengedar minyak tanah bagi Negeri Sarawak.

Syarikat Bumiputra merupakan dengan ini 10.2 peratus daripada bilangan wakil penjual atau pengedar yang ada sekarang ini. Bagi menambahkan lagi penyertaan bumiputra di dalam pengedaran minyak tanah di Sarawak, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:—

- (i) Mengarahkan Syarikat-syarikat Minyak menambahkan lagi bilangan wakil penjual atau pengedar-pengedar Bumiputra di kawasan-kawasan di mana terdapat kekurangan bekalan dan juga di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu. Kementerian ini juga telah meminta syarikat-syarikat minyak supaya menambahkan peruntukan bekalan kepada wakil-wakil penjual pengedar-pengedar Bumiputra yang sedia ada.

HARGA MINYAK KELAPA/KELAPA KERING

14. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Kementerian beliau akan menjalankan apa-apa rancangan bagi menstabilkan harga minyak kelapa dan kelapa kering yang terlampau turun naik (fluctuate).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa keadaan turun naik di dalam harga minyak kelapa dan kelapa kering sering berlaku dan ini adalah disebabkan oleh kedudukan harga bahan-bahan ini di pasaran-pasaran minyak sayuran dan lemak antarabangsa. Minyak kelapa dan kelapa kering adalah merupakan satu daripada lebih kurang 14 jenis-jenis minyak sayuran dan lemak yang terdapat bersaing di antara satu dengan lain di pasaran-pasaran tersebut. Persaingan yang hebat di antara minyak-minyak sayuran dan lemak ini telah menyebabkan keadaan turun naik yang berterusan di dalam harga kesemua bahan-bahan ini termasuk minyak kelapa dan kelapa kering.

Beberapa langkah yang telah dicadangkan untuk menstabilkan harga bahan-bahan di dalam sektor minyak sayuran dan lemak ini sedang giat diselidiki dan dibincangkan di forum-forum antarabangsa terutama sekali dibawah Program Bahan-bahan Utama Yang Disatukan (Integrated Programme for Commodities) anjuran Persidangan Perdagangan dan Pembangunan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD). Usaha-usaha mencari langkah-langkah yang berkesan bagi penstabilan harga sektor ini adalah amat rumit memandangkan cara-cara penstabilan harga yang biasa, seperti stok penimbal dan kota ekspot, adalah didapati tidak sesuai bagi sektor ini atas sebab-sebab ekonomi dan teknik yang tertentu, seperti terdapatnya berbagai-bagai jenis minyak sayuran dan lemak yang bersaing di antara satu dengan lain di pasaran-pasaran yang

sama serta masalah kemerosotan mutu bahan-bahan ini jika disimpan untuk tujuan pengwujudan stok penimbal.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak mempunyai apa-apa rancangan yang khusus untuk menstabilkan harga minyak kelapa dan kelapa kering di pasaran-pasaran antarabangsa. Ini adalah disebabkan Malaysia hanyalah merupakan sebuah negara pengeluar dan pengeksport yang kecil bagi bahan-bahan ini dengan peraturan pengeluaran dan eksport sebanyak 3% dan 2% sahaja dari jumlah pengeluaran dan eksport minyak kelapa kering sedunia.

PERKHIDMATAN SYARIKAT-SYARIKAT BAS

15. Tuan Chin Hon Ngian minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa:—

- (a) Permohonan dari syarikat-syarikat bas yang ada untuk menambahkan jumlah kalinya perkhidmatan dan juga menambahkan bilangan bas-bas mereka selalu ditolak;
- (b) Syarikat-syarikat bas baru telah diberi jalan yang sama dengan jalan yang dipunyai oleh syarikat-syarikat bas yang sedia ada dan oleh kerana ini menimbulkan persaingan yang tidak berekonomi dan kurang berkesan dalam sistem-sistem pengangkutan itu; dan
- (c) bila terlalu banyak syarikat-syarikat bas bersaing di jalan-jalan yang sama, ini akan menimbulkan persaingan membazir dan akan mengurangkan taraf keselamatan bagi penumpang-penumpang. Jika ya, apa tindakan-tindakan akan diambil untuk membetulkan keadaan yang tidak dikehendaki itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar bahawa semua permohonan-permohonan dari syarikat-syarikat bas untuk menambahkan bilangan perkhidmatan dan menambahkan bilangan bas-bas mereka telah ditolak oleh Lembaga Pelesenan.
- (b) Memang ada syarikat-syarikat baru telah diberi kebenaran menjalankan perkhidmatan bas di atas setengah-setengah jalan yang telah ada perkhidmatan bas. Walau bagaimanapun, ini adalah bergantung kepada faktor-faktor yang difikirkan menasabah seperti keperluan yang bertambah dan lain-lain;
- (c) Terdapatnya dua atau lebih syarikat-syarikat bas di atas jalan-jalan yang sama tidak semestinya menimbulkan persaingan yang membazir dan mengurangkan taraf keselamatan bagi penumpang-penumpang seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu terutama sekali jika jalan-jalan yang berkenaan itu mempunyai penumpang-penumpang yang ramai.

PERMIT TEKSI

16. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada benar bahawa kurang daripada 25% dari permit teksi yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya telah diberikan kepada mereka yang benar-benar memandu teksi sementara baki permit itu dikeluarkan kepada mereka yang tidak memandu teksi dan syarikat-syarikat kerjasama (sebahagian daripadanya adalah dari parti-parti politik) dan jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang menarik semula permit-permit ini dari ahli-ahli politik dan syarikat-syarikat kerjasama dan memberinya kepada ribuan pemohon-pemohon yang benar-benar memandu teksi; jika tidak mengapa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

SENATOR TAN SRI GHAZALI JAWI

17. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Tan Sri Ghazali boleh dikatakan seorang yang sesuai untuk dilantik sebagai seorang Senator walaupun beliau dipaksa meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar, Perak.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak menerangkan bahawa Tan Sri Ghazali Jawi meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Perak bukan disebabkan paksaan sesiapa. Beliau berbuat demikian semata-mata dengan sukarelaya sendiri demi menjaga dan menentukan kestabilan pentadbiran di Negeri Perak. Sebagaimana yang telah dimaklumkan Tan Sri Ghazali Jawi, bukan sahaja telah meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar, bahkan juga telah meletakkan jawatannya sebagai Wakil Rakyat Dewan Undangan Negeri Perak. Ini juga diperbuat olehnya dengan sukarelaya sendiri.

Tan Sri Ghazali Jawi adalah seorang yang amat lama berkecimpung dalam politik dan berpengalaman dalam pentadbiran samada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat. Beliau juga berpengalaman dalam banyak masaalah negara dan rakyat. Oleh yang demikian, beliau adalah sangat sesuai untuk dilantik menjadi seorang Senator.

Tuan Farn Seong Than: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa samada benar atau tidak pihak Biro Siasatan Negara sedang menyiasat sekurang-kurangnya 20 daripada kes rasuah terhadap Yang Berhormat bekas Menteri Besar itu, dan kalau sekiranya benar maka tentulah beliau tidak layak untuk dilantik sebagai seorang Senator sebelum penyiasatan itu selesai.

DOKTOR BUMIPUTRA

18. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan mengikut kaum sekarang ini dan mengapa bilangan doktor Bumiputra terlalu kecil.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan sekarang ini adalah sebanyak 1980 orang. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:—

	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	Jumlah
Melayu	208	—	4	212
Tionghua	532	22	58	612
India dan Sri Lanka	808	21	2	831
Lain-lain	302	13	—	315
Iban dan Bidayuh	—	—	8	8
Melanau	—	—	1	1
Sino Kadazan	—	1	—	1
		Jumlah besar		1980

Ada pun sebab bilangan doktor Bumiputra terlalu kecil ialah oleh kerana kekurangan penuntut-penuntut bumiputra yang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan di pusat-pusat pengajian tinggi samada di dalam atau di luar negeri. Bilangan doktor-doktor bumiputra akan bertambah apabila Universiti Kebangsaan Malaysia mula mengeluarkan doktor-doktor kelak.

JAWATANKUASA PERUNDING PELABUHAN KELANG

19. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Perhubungan menyatakan tugas Jawatankuasa Perundangan Pelabuhan Kelang. Berapa kali Jawatankuasa ini bermesyuarat bagi tiap-tiap tahun 1974, 1975, 1976, 1977 (hingga bulan September).

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 7 (6) Akta Pelabuhan 1963, tugas-tugas Jawatankuasa Perunding Pelabuhan adalah bagi menasihatkan Lembaga atas apa-apa perkara berkaitan dengan Pelabuhan terutamanya berkaitan dengan sebarang perubahan besar (substantial) dalam caj atau kadar caj yang ditetapkan oleh Lembaga, sebarang rancangan utama yang berkaitan dengan pembesaran atau pembangunan pelabuhan, dan lain-lain perkara yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Menteri untuk dirundingkan dengan Jawatankuasa tersebut.

Mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti berikut:—

Tahun 1975	—	1 kali (9.9.1975)
Tahun 1976	—	1 kali (5.8.1976)
Tahun 1977	—	2 kali (13.1.1977 dan 14.6.1977).

GURU-GURU BAHASA MALAYSIA

20. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa bilangan guru-guru yang mengajar Bahasa Malaysia yang dihantar bertugas ke Sarawak dari Semenanjung Malaysia dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 dan dari bilangan itu berikan bilangan mereka yang dihantar ke Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan guru-guru Bahasa Malaysia dari Semenanjung Malaysia yang dihantar ke Sarawak dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 ialah seramai 277 orang dan mereka dibahagikan seperti berikut:—

Sekolah Rendah	—	91
Sekolah Menengah	—	136

Sebenarnya kumpulan pertama guru-guru seperti itu telah mula berkhidmat di Sarawak semenjak tahun 1974 lagi iaitu seramai 90

orang dan mereka dibahagikan seperti berikut:—

Sekolah Rendah	—	45
Sekolah Menengah	—	42
Maktab Perguruan	—	3

Jumlah bilangan guru-guru Bahasa Malaysia dibahagikan seperti berikut:—

Guru-guru Bahasa Malaysia Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sarawak

	Rendah	Menengah	Maktab
1974	45	42	3
1975	44	29	
1976	49	29	
1977	38	38	
	176	138	3
	Jumlah = 317		

RANCANGAN INTENSIVE INPUT DEMONSTRATION

21. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan kejayaan yang telah dicapai dari rancangan "Intensive Input Demonstration" di luar bandar. Dan adakah beliau berpuashati serta bercadang untuk memperluaskan kepada seluruh negara.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Intensive Input Demonstration yang bermula pada tahun 1973 telah berjalan dengan lancarnya. Di rancangan ini, beberapa projek baru dilancarkan untuk faedah rakyat-rakyat luar bandar projek-projek ini termasuk kawalan penyakit cacing, projek makanan tambahan, projek buku hijau dan projek-projek lain yang akan mengukuhkan lagi Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak.

Dua puluh buah Daerah Kesihatan telah dipilih untuk menjalankan projek-projek ini. Di bawah rancangan ini, kakitangan-kakitangan terlatih, alat-alat dan kenderaan telah

ditambah. Ini termasuk menambah bilangan Penolong Jururawat kepada tiga orang dan penempatan seorang pegawai kerani rendah di semua pusat-pusat kesihatan. Juga Kementerian saya cuba menentukan yang pegawai-pegawai yang dihantar ke klinik-klinik dalam kawasan ini ialah pegawai yang terlatih dan mahir dalam bidang kesihatan umum. Dari segi alat-alat dan kenderaan, Kementerian telah menghantar alat-alat seperti motosikal untuk kegunaan Jururawat Desa, kereta Volkswagon Combi untuk pusat-pusat Kesihatan, alat-alat memasak untuk pertunjukan masak-memasak dan alat-alat untuk Pelajaran Kesihatan.

Mengikut kajian yang telah dibuat pada pertengahan tahun ini, projek ini telah memberi kesan yang memuaskan dari segi liputan dan mutu perkhidmatan. Saya berpuashati dengan rancangan ini dan bercadang untuk meluaskannya untuk meliputi 44 buah Daerah Kesihatan pada tahun hadapan ini.

PERHUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA MALAYSIA—CHINA

22. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa pembatasan dalam perjalanan ke Negeri Republik Rakyat China pun belum diberhentikan sungguhpun Malaysia telah melancarkan perhubungan diplomatik dengannya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perhubungan diplomatik antara sesebuah negara dengan negara lain tidaklah bererti rakyat dari negara-negara itu bebas bergerak ke negara yang ada hubungan diplomatik dengannya. Soal dasar mengenai perjalanan dan lawatan di antara rakyat di negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik, hendaklah dirundingkan terlebih dahulu dengan Kerajaan yang berkenaan. Walaupun perhubungan diplomatik antara Kerajaan Malaysia dengan Republik Rakyat China

(RRC) telah terjalin, soal lawatan bagi kedua-dua negara itu belum lagi dibincangkan.

Sungguhpun begitu kebenaran untuk melawat ke Republik Rakyat China ada diberikan kepada rakyat negeri ini mengikut merit masing-masing.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DI BIDANG EKONOMI

23. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan penglibatan bumiputra dengan jumlahnya sekali pada firma-firma yang mengeluarkan hasil barangan utama yang diekspot dan untuk kegunaan dalam Negara. Dan nyatakan jenis barangan yang dikeluarkan oleh firma mengikut negeri di Malaysia.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sangatlah umum dan kurang jelas maksudnya. Ahli Yang Berhormat telah meminta setakat manakah “penglibatan Bumiputra dengan jumlahnya sekali pada firma-firma yang mengeluarkan hasil barangan utama”. Pada saya perkataan “firma” mungkin menimbulkan kerumitan dalam memberi ukuran penyertaan bumiputra dalam kegiatan ekonomi negara ini. Oleh yang demikian saya akan mengambil takrif yang luas terhadap perkataan firma dan menghuraikan kepada Dewan ini tentang penglibatan bumiputra dalam semua bentuk termasuklah sekali perbadanan-perbadanan awam dan lain-lain agensi yang telah diamanahkan oleh Kerajaan sebagai alat pencapaian matlamat penyertaan bumiputra dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian yang lebih luas lagi. Saya akan hadkan maklumat ini kepada penglibatan bumiputra dalam perusahaan-perusahaan yang berupa perusahaan utama sahaja dan tidak dalam kegiatan yang ditakrifkan sebagai perkilangan. Apabila menyentuh tentang beberapa banyak firma-firma ataupun setakat mana penglibatan bumiputra, saya akan

gunakan angka-angka pertunjuk yang lazim digunakan mengikut perusahaan-perusahaan yang berkaitan umpamanya penglibatan bumiputra dalam perusahaan getah dan kelapa sawit akan digambarkan dari segi keluasan tanah ataupun jumlah ekar, sementara penglibatan dalam perlombongan akan dicerminkan dengan jumlah lombong serta sumbangan mereka terhadap jumlah besar pengeluaran bijih timah di negara ini.

Saya sampaikan di bawah angka-angka serta maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pertanyaan Ahli Yang Berhormat berasaskan kepada takrif dan penjelasan terhadap angka-angka yang telah saya sebutkan tadi. Perangkaan yang saya berikan ini adalah berasaskan kepada angka-angka tahun 1976 dikumpul bagi perusahaan-perusahaan berkenaan:

1. *Getah dan Kelapa sawit:*

	Jumlah ekar	Bumiputra	Peratus
Getah	4,228,000	1,137,030	26.9%
Kelapa sawit (yang berhasil)	944,214	260,468	27.5%

Perlu dijelaskan bahawa hampir kesemua penyertaan bumiputra terdapat di kalangan pekebun kecil atau melalui rancangan-rancangan tanah agensi-agensi Kerajaan.

2. *Bijih Timah:*

Jumlah Lombong	Bumiputra	Usahasama
723	33 (4.5%)	97

Jika dimasukkan sekali jumlah lombong-lombong yang dikuasai oleh Pernas melalui New Trade Winds, maka penglibatan bumiputra dalam perusahaan ini dari segi pengeluaran atau penyumbang lebih kurang 20% dari jumlah pengeluaran negara.

3. *Nenas:*

Jumlah Ekar	Pekebun Kecil	Estet
30,050	16,200 ekar (53.9%)	13,850 ekar

Jumlah ekar di bawah estet tadi adalah kepunyaan syarikat-syarikat pengetin nenas swasta yang menjalankan 3 buah kilang. Lebih kurang 51% dari pekebun kecil yang mengusahakan 16,200 ekar adalah terdiri dari bumiputra dan hampir kesemua pengeluaran mereka diproses oleh syarikat pengetin Kerajaan Pineapple Cannery of Malaysia. Pengeluaran PCM berupa 34% dari jumlah hasil nenas dalam tin.

4. *Perusahaan Kayu:*

Penglibatan bumiputra boleh dibahagi dalam 3 peringkat:

Pembalakan		Kilang Papan		Kilang Kayu Lapis	
Jumlah	Bumiputra	Jumlah	Bumiputra	Jumlah	Bumiputra
510,561	451,003	540	82(15.2%)	35	4(11.4%)
ekar	ekar (88.3%)				

5. *Lada Hitam:*

Jumlah luas tanaman lada hitam ialah 26,226 ekar. Bilangan bumiputra dalam perusahaan yang jumlah besarnya di Sarawak sangatlah kecil. Hanya lebih kurang 5 peratus dari pedagang berlesen terdiri dari bumiputra.

6. *Tembakau:*

Jumlah Ekar	Bumiputra
24,400	22,000 ekar (90%)

Jumlah pengeluaran daun tembakau yang dihasilkan di Malaysia mengikut perangkaan terakhir ialah 15,050,000 paun di mana 90% oleh bumiputra.

Mengenai pengeluaran bahan-bahan utama mengikut negeri, oleh kerana datanya terlalu banyak untuk dibacakan di sini, saya mohon, saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat secara berasingan.

(Lihat Hujungan)

Perlu saya jelaskan bahawa banyak maklumat dan perangkaan mengenai perusahaan utama terkandung dalam Laporan Ekonomi 1977 yang telah dibentangkan

kepada Dewan ini baru-baru ini. Saya
mengesyorkan bahawa Ahli Yang Berhormat

meneliti laporan tersebut bagi mendapatkan
keterangan-keterangan tambahan.

HUJUNGAN

PENGELUARAN BAHAN-BAHAN UTAMA MENGIKUT NEGERI

Negeri	(i) Getah — Pengeluaran 1976 (tan)	(ii) Biji Timah — Pengeluaran 1976 (tan)	(iii) Kelapasawit — Anggaran Pengeluaran (tan)
Johor	421,223	917	553,386
Kedah)	216,747	462	9,056
Perlis)		186	—
Kelantan	41,052	—	24,592
Melaka	108,224	76	16,820
Negeri Sembilan	209,234	330	91,231
Pahang	120,319	2,588	398,944
Penang +			
Province Wellesley	48,755	—	10,569
Perak	230,335	34,992	195,466
Selangor	144,667	23,075	283,686
Trengganu	22,848	772	75,046
Sabah	35,786	—	159,426
Sarawak	40,111	—	35,010
Jumlah:	<u>1,639,301</u>	<u>63,398</u>	<u>1,853,232</u>

(iv) Kayu-kayan — Pengeluaran Kayu-kayan 1976

Negeri	(a) Kayu Balak (‘000 kaki padu)	(b) Kayu Digergaji (‘000 kaki padu)	(c) Kayu Lapis (‘000 kaki persegi)
Johor	54,174	39,483	184,388
Kedah	12,609	6,683	34,353
Kelantan	19,714	5,700	17,834
Melaka	779	2,724	51,916
Negeri Sembilan	27,392	13,481	69,572
Pahang	128,471	44,898	248,887
Pulau Pinang	1	2,563	—
Perak	31,803	13,884	318,205
Selangor	4,464	19,351	48,515
Trengganu	59,033	14,786	28,154
Perlis	337	211	—
Jumlah:	<u>338,777</u>	<u>163,764</u>	<u>1,001,824</u>

(v) Tembakau — Pengeluaran 1976

Negeri	Paun
Kelantan/Besut	12,000,000
Trengganu	1,500,000
Pahang/Johor (T)	300,000
Kedah/Perlis/Perak/Penang	800,000
Melaka/Negeri Sembilan/Johor (B)	450,000
Jumlah:	<u>15,050,000</u>

(vi) *Lada Hitam*

32,030 tan di mana 93.2% dikeluarkan di Sarawak.

(vii) *Nenas*

Pengeluaran dalam tahun 1976 bagi nenas dalam tin berjumlah 2,186,699 kotal (std. 48 lb.) kesemuanya dari Negeri Johor.

USUL

PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI/PARLIMEN DI SARAWAK

3.18 *ptg.*

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:—

Bahawa Dewan ini, menurut Seksyen-seksyen 9 dan 10 Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan Persekutuan, mengambil ketetapan bahawa deraf Perintah Persempadanan Bahagian-Pilihanraya (Sarawak) 1977 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini bersama dengan Laporan mengenai persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri dan Parlimen dalam Negeri Sarawak yang dibuat mengikut Seksyen 8 Jadual tersebut oleh Suruhanjaya Pilihanraya diluluskan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Perkara 113 (2) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab mengulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri pada jangka tempoh tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 8 tahun bagi maksud memilih ahli-ahli ke Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri yang berkenaan. Bagi Negeri Sarawak Bahagian-bahagian Pilihanraya yang berkenaan telah dipersempadankan buat pertama kalinya dalam tahun

1968 dan ianya telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20hb Jun, 1968. Ini bermakna bahawa sempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya bagi negeri itu hendaklah diulangkaji oleh Suruhanjaya Pilihanraya paling awal pada 20hb Jun 1976 dan paling lewat pada 20hb Jun, 1978.

Dalam hal ini sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiapkan laporannya selaras dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Jadual 13 kepada Perlembagaan Persekutuan pada 30hb April 1977 dan telah mengemukakan laporan itu kepada saya pada 14hb Julai, 1977 sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 8 Jadual tersebut. Laporan itu telah juga dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Perintah No. 47/1977. Sebagaimana yang dapat dilihat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Laporan Suruhanjaya Pilihanraya itu mengandungi 7 Bab. Bab 1 dan 2 menghuraikan latarbelakang dan kajian awal yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam urusan mengulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri yang berkenaan itu. Perkara yang penting di sini ialah mengenai bilangan Bahagian-bahagian Pilihanraya yang ditetapkan bagi Negeri Sarawak di mana bilangannya tidak berubah iaitu 24 Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan 48 Bahagian Pilihanraya Negeri. Bab 3 mengandungi prinsip-prinsip persempadanan sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 2, Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Bab itu menerangkan sepenuhnya bagaimana Suruhanraya Pilihanraya telah menjalankan tugas-tugasnya dengan mematuhi prinsip-prinsip itu.

Ada 2 perkara yang saya fikir perlu disentuh di sini. Pertama ialah Daftar Pemilih yang telah digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi maksud urusan mengulangkajinya adalah terdiri daripada Daftar-daftar Pemilih yang telah disahkan pada 29hb April, 1976 yang

mempunyai 412,676 nama pemilih. Kedua ialah perubahan nama beberapa Bahagian-bahagian Pilihanraya kepada nama-nama yang lebih sesuai yang mempunyai unsur-unsur sejarah atau yang lebih dikenali ramai.

Bab 4 pula ialah mengenai pamiran syor Suruhanjaya Pilihanraya terhadap bahagian-bahagian Pilihanraya yang berkenaan; rayuan-rayuan yang telah dikemukakan mengenainya dan siasatan-siasatan tempatan yang telah diadakan. Syor pertama Suruhanjaya Pilihanraya telah dipamirkan untuk pemeriksaan orang ramai selama sebulan daripada 4hb November, 1976 sehingga 3hb Disember, 1976. Dalam tempoh itu sebanyak 16 rayuan telah diterima tetapi hanya 14 sahaja yang telah memenuhi kehendak-kehendak Perenggan 5, Bahagian II, Jadual 13 Perlembagaan Persekutuan. Siasatan-siasatan tempatan kemudiannya telah diadakan untuk mendengar rayuan-rayuan itu dan hasil daripada siasatan-siasatan tempatan itu Suruhanjaya Pilihanraya telah meminda beberapa syornya yang asal. Rayuan-rayuan yang telah dikemukakan berserta dengan keputusan Suruhanjaya Pilihanraya mengenainya dapat dilihat di Lampiran "D" kepada Laporan Suruhanjaya itu.

Syor Suruhanjaya Pilihanraya yang dipinda itu telah dipamirkan semula untuk pemeriksaan orang ramai, dan sehingga tamat tempoh penerimaan rayuan, tidak ada mana-mana pihak yang mengemukakan sebarang rayuan mengenainya.

Bab 5 pula merupakan syor muktamat Suruhanjaya Pilihanraya selepas memperhitungkan rayuan-rayuan yang telah dikemukakan. Syor-syor Suruhanjaya itu melibatkan perubahan sempadan 11 Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan 22 Bahagian Pilihanraya Negeri serta perubahan nama kepada 5 Bahagian Pilihanraya Persekutuan dan 13 nama Bahagian Pilihanraya Negeri.

Bab 6 mengandungi penutup dan penghargaan Suruhanjaya Pilihanraya kepada

pihak-pihak yang berkenaan sementara Bab 7 pula mengandungi lampiran-lampiran dan peta yang menunjukkan sempadan Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri sebagaimana yang disyorkan olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, deraf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya (Sarawak) 1977 adalah dibentangkan bersama ini sebagai Kertas Perintah No. 48 tahun 1977. Sebelum saya mencadangkan supaya deraf Pemerintah itu diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sukacitalah saya mengambil kesempatan ini melahirkan rasa penghargaan saya kepada bekas Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya, Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Perang dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya yang lain kerana telah dapat menyiapkan laporan ini dalam tempoh yang singkat. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai Suruhanjaya yang telah bertugas dengan giatnya menyediakan dan menyiapkan laporan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.25 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh satu usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas Perintah Persempadanan Bahagian Pilihanraya (Sarawak) 1977.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia yang telah berapa kali melawat ke Negeri Sarawak mengenai urusan mengulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Sarawak untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai

Kerajaan Negeri Sarawak serta pengundi-pengundi di tempat yang berkenaan kebanyakannya di kawasan luar bandar yang bertaburan sana sini di negeri itu, dengan menempuhi berbagai macam kesulitan perhubungan yang terpaksa dihadapi oleh rombongan Suruhanjaya Pilihanraya itu untuk mendengar sendiri pendapat dan hujah yang ditimbul oleh pengundi-pengundi di kawasan yang terlibat bagi mengulangkaji Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Sarawak.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum di mana kenyataan telah diterangkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri waktu membenteng usul ini sebentar tadi dengan panjang lebar mengenai ulangkaji Persempadanan Bahagian-bahagian Parlimen dan Negeri serta nama-nama baru yang disyor bagi kawasan Pilihanraya Parlimen dan Negeri yang berkenaan.

Sekarang Negeri Sarawak masih lagi kekal 24 kawasan Parlimen dan 48 kawasan Dewan Undangan Negeri itu walaupun telah 10 tahun Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen di Dewan Undangan Negeri telah dilaksanakan bagi membolehkan Negeri Sarawak semenjak merdeka telah dua kali diadakan Pilihanraya Umum Persekutuan dan Negeri cara serentak di negeri itu. Dan sekarang selepas diluluskan usul ini maka Negeri Sarawak masih lagi mempunyai bilangan 24 Ahli Parlimen dan 48 Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih oleh rakyat dari berbagai kaum dan kepercayaan untuk mewakili rakyat Negeri Sarawak di Dewan yang mulia ini dan Dewan Undangan Negeri Sarawak untuk menyampaikan segala sesuatu hasrat bagi kepentingan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat kepada sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat seperti yang kita amalkan sekarang ini. Amalan seperti inilah yang kita semua pertahankan bagi memperjuangkan nasib rakyat dan negara seluruhnya. Dan kita berharap amalan seperti ini sampai kepada anak cucu kita sebagai jenerasi baru.

Suka juga saya menerangkan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini bagi untung nasib kami dari Negeri Sarawak yang telah dipilih menjadi Ahli-ahli Parlimen semenjak tahun 1970 oleh sebab pada bulan Mei tahun 1969 Pilihanraya Umum pertama bagi kawasan Parlimen dan Negeri diadakan di Sarawak serentak dengan Semenanjung Malaysia, malangnya setelah beberapa hari rakyat membuang undi Pilihanraya itu dibatalkan disebabkan satu peristiwa pada 13 Mei berlaku di Ibunegara Kuala Lumpur yang menjadi sejarah negara yang sukar untuk dilupakan oleh kita semua. Oleh yang demikian Pilihanraya Umum di Sarawak ditangguhkan sehingga selepas 14 bulan kemudian baharulah Negeri Sarawak mengadakan Pilihanraya Umum iaitu dalam tahun 1970. Dan pada tahun 1974 Negeri Sarawak mengadakan Pilihanraya Umum yang kedua bagi kawasan Parlimen dan kawasan Undangan Negeri serentak dengan Semenanjung Malaysia. Apa yang saya ingin tahu daripada pihak yang berkenaan tentang tempoh masa Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak yang telah berjaya dalam Pilihanraya Umum 1970 adakah diambil kira sama seperti dengan Ahli-ahli Parlimen di Semenanjung yang telah berjaya pada tahun 1969. Jika sekiranya terdapat perbezaannya bolehkah Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia menentukan supaya Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak dapat menikmati faedah yang sama dengan Ahli-ahli Parlimen negeri-negeri lain dalam Malaysia yang berjaya bertanding pada tahun 1969.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu dan di mana saya telah mendengar di tempat perjumpaan yang tertentu di antara pengundi-pengundi dengan Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya mengenai persempadanan bagi Bahagian-bahagian Pilihanraya Persekutuan dan Negeri yang diulangkaji disyorkan adalah dengan begitu cermat dan teliti waktu mendengar segala hujah-hujah dan rayuan-rayuan pengundi yang berkenaan mengenai syor yang dibuat itu.

Sekarang apa yang kita dapat lihat syor yang dibuat dalam Laporan Suruhanjaya Pilihanraya adalah memberi pertimbangan yang wajar bagi masaalah pengundi-pengundi terutama di kawasan luar bandar di mana sukar dari segi perhubungan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Atas kepentingan pengundi-pengundi dan penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan maka syor yang dibuat itu adalah memuaskan.

Mengenai syor perubahan nama bagi kawasan Parlimen dan Pilihanraya Negeri yang tertentu diganti dengan nama-nama baharu adalah tidak menjadi masaalah apa-apa, baik kepada pengundi mahupun kepada rakyat jelata di Negeri Sarawak.

Sekarang misalnya kawasan Parlimen P. 131 iaitu dikenali dengan nama Lundu/Bau akan digantikan dengan nama baharu yang lebih sesuai iaitu Mas Gading. Bagi kawasan Pilihanraya Negeri pula Induwa sekarang dengan nama baharu digantikan dengan nama disyor ialah Tasik Biru. Terdapat juga kawasan Pilihanraya Parlimen dan negeri-negeri yang lain sepertimana yang telah diterangkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi ditukar nama bagi menyesuaikan lagi kawasan-kawasan pilihanraya yang berkenaan kepada pengundi dan penduduk-penduduk di tempat itu. Segala syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu adalah mengikut kesukaan hati Kerajaan dan rakyat Negeri Sarawak sendiri tidak ada kena mengena dengan perkara yang tidak baik.

Oleh yang demikian, segala syor dan cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia seperti laporan yang dibentangkan ini samada mengenai persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Sarawak seperti yang terkandung di dalam Kertas Perintah No. 47 tahun 1977 adalah betul dan tepat. Dan kami sebagai anak Negeri Sarawak memberi penghargaan yang tinggi kepada Suruhanjaya Pilihanraya atas segala tugas

yang dikorbankan kepada rakyat dan Negeri Sarawak dan kami juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat atas segala daya usaha yang sungguh-sungguh bagi kebaikan dan kepentingan rakyat untuk menegak sebuah Kerajaan yang benar-benar dipilih mengikut suara rakyat ramai.

Akhirnya, saya menyokong penuh atas Usul ini.

3.35 *ptg.*

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menambah kepada ucapan yang sudah diberi oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

Pindaan Persempadanan Bahagian — Pilihanraya (Sarawak) 1977 memanglah diterima dengan sukacitanya kerana kajian tertentu sepenuh-penuhnya sudah dijalankan. Nama-nama baharu yang disyorkan oleh Kerajaan dan diterima adalah nama yang nampaknya lebih lagi sesuai dari yang sudah dikenali dari masa yang dahulu, tetapi suka juga saya menyentuh sedikit pada masa ini dua perkara sahaja untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat. Yang pertama mendaftarkan pengundi-pengundi di Negeri Sarawak ialah satu masaalah yang susah dijalankan oleh kerana negeri itu banyak tempat luar bandar yang susah dilawat. Jikalau Kerajaan Pusat dapat memberi pertimbangan yang penuh bagi tahun hadapan dan masa akan datang untuk mendaftarkan pengundi-pengundi sepanjang tahun bukan sahaja sekali dalam setahun. Ini tentu akan memberi keuntungan yang bagus lagi kepada kebanyakan orang-orang yang diam di luar bandar di Negeri Sarawak.

Saya juga suka menyokong Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang menyatakan Kerajaan Pusat patut memberi pertimbangan jika

dapat, apabila mengkaji semula Bahagian-bahagian Pilihanraya di Negeri Sarawak untuk menambah lagi kerusi-kerusi yang patut ditambah kerana sempadan Negeri Sarawak memanglah luas, kita tahu tidak berapa kurang daripada habis sempadan Semenanjung Malaysia sendiri.

Oleh yang demikian, saya juga suka mengesyorkan satu pertimbangan yang rakyat di Sarawak berasa penting kerana dalam masa pilihanraya yang lepas menghitung undi di Negeri Sarawak mengambil masa bertingkat-tingkat. Apa yang kita syorkan, kita berharap Kerajaan Persekutuan memberi pertimbangan yang penuh bagi pilihanraya di Negeri Sarawak yang akan datang menghitung undi hendaklah diberi masa yang sama sahaja.

(Dengan izin) Tuan Speaker, may I just have your permission to state that sentence in English. In the past the counting of votes for election in the State of Sarawak had been counted separately. The proposal that I would put across for adoption and consideration of the Federal Government is that in future elections, counting of votes should be done simultaneously.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat lain hendak bercakap, saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

3.40 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan mendatangkan syor-syornya.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah berhubung dengan pilihanraya di Sarawak pada tahun 1970, (di Semenanjung pada tahun 1969) dan sebelum itu kita sudahpun mengadakan pilihanraya di sini pada tahun 1964. Masaalah ini akan diberi perhatian, saya tidak berani hendak memberikan

pandangan-pandangan yang muktamad, sebab ini barangkali ada berkaitan dengan Undang-undang dan Perlembagaan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan disiasat dan diberi perhatian supaya dapat kita memberi pandangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

*(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)*

Berkenaan dengan syor-syor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kanowit, syor-syornya itu akan diambil perhatian dan ingatan. Perkara ini akan dirundingkan dan akan disampaikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya kemukakan Usul ini untuk diputuskan, saya suka meningkatkan iaitu mengikut Jadual Ketigabelas, Bahagian 2, Seksyen 10 kepada Perlembagaan Persekutuan, ketetapan ini adalah disokong dengan undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat. Ini bermakna undi akan dipungut dengan cara belah-bahagian.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

BELAH-BAHAGIAN

Dewan berbelah bahagi: Yang Bersetuju, 98; Yang Tidak Bersetuju, 1; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU

1. Datuk Hussein bin Onn
2. Tan Sri V. Manickavasagam
3. Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah
4. Tan Sri Ong Kee Hui
5. Datuk Haji Abdul Ghani Gilong
6. Datuk Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani
7. Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud

8. Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen
Al-haj bin Tengku Ismail
9. Datuk Haji Mohamed bin Yaacob
10. Dato' Michael Chen Wing Sum
11. Datuk Abdul Samad bin Idris
12. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad
13. Tan Sri Chong Hon Nyan
14. Dato' Shariff Ahmad
15. Datuk Mohamed bin Rahmat
16. Dato' Haji Mustapha bin Haji
Abdul Jabar
17. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin
Haji Mohd. Isa
18. Datuk Chan Siang Sun
19. Tuan Mokhtar bin Haji Hashim
20. Tuan Richard Ho Ung Hun
21. Dr. Sulaiman bin Haji Daud
22. Tuan Paul Leong Khee Seong
23. Dato' Haji Ramli bin Omar
24. Dr. Goh Cheng Teik
25. Datuk Dr. Neo Yee Pan
26. Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff
27. Tuan Rais Yatim
28. Tuan Edmund Langgu anak Saga
29. Tuan Lew Sip Hon
30. Dr. Ling Liong Sik
31. Tuan Patrick anak Uren
32. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman
33. Tuan Jawan anak Empaling
34. Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar
35. Dato' Haji Embong bin Yahya
36. Datuk Saadun bin Muhammad Noh
37. Tuan Abdul Ghafar bin Baba
38. Tuan Haji Mohamed Khir Johari
39. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong
40. Datin Hajjah Fatimah binti Haji
Abdul Majid
41. Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail
42. Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop Al-haj
43. Tuan Leo Moggie anak Iroke
44. Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Indar
45. Tuan Azahari bin Md. Taib
46. Tuan Tan Cheng Bee
47. Tuan Edwin anak Tangkun
48. Datuk Peter Lo Su Yin
49. Datuk Haji Shafie bin Abdullah
50. Tuan Sulaiman bin Haji Taib
51. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais
52. Tuan Shamsuddin bin Din
53. Tuan Haji Jamil bin Ishak
54. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim
55. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed
56. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh
Shahabuddin
57. Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim
58. Datuk Peter Lim Pui Ho
59. Tuan Haji Suhaimi bin Datuk
Haji Kamaruddin
60. Tuan Latip bin Haji Dris
61. Tuan Su Liang Yu
62. Penghulu Abit anak Angkin
63. Tuan Lim Kiam Hoon@Lim Ah Ying
64. Tuan Azharul Abidin bin Haji
Abdul Rahim
65. Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji
Abdul Razak
66. Tuan Shaari bin Jusoh
67. Tuan Sanusi bin Junid
68. Tuan Oo Gin Sun
69. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk
Panglima Abdullah
70. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin
71. Tuan Haji Mohd. Taufek bin
O.K.K. Haji Asneh
72. Tuan Abu Bakar bin Arshad
73. Tuan Jaafar bin Hamzah
74. Datuk Albert Mah
75. Tuan Buja bin Gumbilai
76. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk
77. Raja Nasron bin Raja Ishak
78. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
79. Puan Wan Zainab binti M.A. Bakar
80. Puan Oon Zariah binti Abu Bakar
81. Tuan Ariffin bin Haji Daud
82. Tuan Lee Boon Peng
83. Tuan Yang Siew Siang
84. Tuan Richard Dampeng anak Laki
85. Tuan S. Samy Vellu
86. Puan Chow Poh Kheng
87. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya
88. Tuan Chin Hon Ngian
89. Tuan Au How Cheong
90. Tuan Wee Ho Soon
91. Tuan Ting Ling Kiew
92. Tuan Sibat anak Tagong@Sibut Miyut
anak Tagong
93. Tuan Chieng Tiong Kai@Chieng Sie Lung
94. Tuan Thomas Salang Siden

95. Tuan Racha Umong
96. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus
97. Tuan Lukman bin Abdul Kadir
98. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Farn Seong Than

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, menurut Seksyen-seksyen 9 dan 10 Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan Persekutuan, mengambil ketetapan bahawa deraf Perintah Persempadanan Bahagian — Pilihanraya (Sarawak) 1977 yang tidak dibentangkan dalam Dewan ini bersama dengan laporan mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Negeri dan Parlimen dalam Negeri Sarawak yang dibuat mengikut Seksyen 8 Jadual tersebut oleh Suruhanjaya Pilihanraya diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PERUNTUKAN KHAS) 1977

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1977 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya mengemukakan Rang Undang-undang ini saya suka mengambil peluang memberi

maklumat dan kenyataan berkenaan dengan kedudukan kewangan Bank Rakyat sehingga ini supaya Ahli-ahli Dewan ini mengetahui dengan sebenar-benarnya jumlah kekusutan yang berlaku di dalam Bank itu. Kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan juga rakyat jelata adalah berfaham iaitu kekusutan di dalam Bank Rakyat itu ada melibatkan satu juta, dua juta, tiga juta, empat juta, atau lima juta ringgit, tetapi yang sebenarnya ia melibatkan tujuh, lapan kali ganda daripada yang disangkakan atau sepuluh kali ganda. Ini saya akan memberi maklumat-maklumat yang sepenuhnya terutama ini adalah tanggungjawab saya memberi maklumat-maklumat yang setakat ini diketahui oleh saya daripada laporan-laporan dan kajian-kajian yang telah dibuat dan sedang dibuat setakat ini dan supaya Ahli-ahli di Dewan ini dan rakyat jelata seluruhnya mengetahui dengan sebenar-benarnya berapakah jumlah yang terlibat di dalam kekusutan yang berlaku di dalam Bank Rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kewangan Bank Rakyat amatlah genting dan buruk, sebab-sebab keadaan sedemikian dan latarbelakangnya akan saya terangkan sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa Kerajaan pada 12hb March, 1976 telah memberi jaminan kepada ahli-ahli Bank Rakyat dan penyimpan-penyimpan wang di Bank Rakyat tatkala berlakunya kekusutan dan keburukan di dalam Bank itu dan supaya terang pengakuan yang diberikan oleh Kerajaan ini dan ini bagi pihak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, ialah perjanjian Kerajaan memberi jaminan supaya simpanan wang ahli-ahli yang berbelas-belas ribu itu dijamin oleh Kerajaan. Maka dengan membentangkan Rang Undang-undang ini, saya akan menerangkan persetujuan Kerajaan memberi bantuan bagi peringatan pertama dan jumlah yang sebenarnya yang dikehendaki oleh Bank Rakyat itu kelak. Bagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, jaminan yang diberikan oleh Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan saya dengan arahan saya berbunyi demikian, dan saya minta izin daripada

Yang di-Pertua membacakan siaran akhbar itu yang dikeluarkan dengan nama Kerajaan daripada Jabatan saya. Pengumuman yang bertarikh pada 12hb March, 1976, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:—

“Dalam tempoh kebelakangan ini Kerajaan telah merasa amat bimbang mengenai perjalanan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan berikutnya penyiasatan yang telah dijalankan oleh Pendaftar Syarikat Kerjasama mengenai kegiatan Bank itu. Memandangkan adanya tindakan yang telah diambil dan akan diambil oleh pihak polis ke atas beberapa orang pegawai Bank Rakyat itu Kerajaan mengambil sepenuh perhatian tentang adanya kebimbangan penyimpan-penyimpan wang di Bank Rakyat tersebut mengenai keselamatan wang yang mereka simpan di Bank Rakyat itu. Oleh yang demikian, Kerajaan ingin memberi jaminan kepada setiap penyimpan wang tersebut bahawa keselamatan wang mereka adalah terjamin. Kerajaan juga menimbangkan, adalah menjadi sebagai satu tanggungjawabnya untuk membantu dalam menyusun semula pengurusan Bank Rakyat supaya menjamin bahawa Bank Rakyat diuruskan atas asas yang kukuh demi kepentingan semua pemegang saham dan penyimpan wangnya. Pegawai-pegawai yang berkelulusan dan amanah akan diambil untuk membantu dalam pengurusan Bank Rakyat ini di masa depan supaya Bank Rakyat Malaysia Berhad dapat mencapai tujuannya.”

Tuan Yang di-Pertua, Bank Rakyat akan bangkerap jika tidak diberi bantuan kewangan oleh Kerajaan. Saya menyebut ini dengan tegas supaya tiap-tiap Ahli di dalam Dewan ini mengetahui sebenarnya berapa buruk dan berapa jumlahnya yang terlibat di dalam kekusutan di dalam Bank Rakyat itu. Bank Rakyat akan bangkerap jika tidak diberi bantuan kewangan oleh Kerajaan. Ini yang melibatkan kerugian besar kepada 27,314 ahli-ahli perseorangan dan 1,000 buah

syarikat kerjasama. Ahli-ahli perseorangan Tuan Yang di-Pertua, adalah kebanyakannya terdiri daripada orang miskin, petani, peladang, nelayan, pegawai-pegawai rendah Kerajaan, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain yang berpendapatan rendah. Dan bagi hendak menyelamatkan bank itu daripada bangkerap, permohonan telah diterima oleh Kerajaan daripada Pengurusan Bank Rakyat yang ada sekarang ini supaya meminjamkan kepada bank itu di antara \$100 hingga \$155 juta. Ini yang saya katakan tadi bukan satu juta, dua juta, tiga juta, empat juta, lima juta ataupun sepuluh juta. Begini buruk keadaan yang ada di Bank Rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju meminjamkan sebanyak \$47.4 juta sahaja pada peringkat pertama. Ini saya tegaskan. Dalam mesyuarat Kabinet yang lepas, Kerajaan telah bersetuju oleh kerana perkara ini penting dan mustahak sangat, meminjamkan \$47.4 juta sahaja pada peringkat pertama sehingga dapat gambaran kedudukan kewangan yang lebih terang dan bukti serta butir-butir daripada penyiasatan yang sedang diperbuat.

Tuan Yang di-Pertua, \$47.4 juta itu ialah bagi permulaan peringkat pertama, dan ianya adalah dikehendaki untuk memberi gambaran, kelulusan sebanyak \$47.4 juta yang dipersetujui oleh Kerajaan adalah terdiri daripada:—

- | | |
|---|---------------|
| (1) Untuk memenuhi keperluan harta-harta tetap bagi tiga tahun yang akan datang | — \$31.9 juta |
| (2) Penyertaan equiti di dalam anak-anak syarikat yang kini telah dibiayai dengan wang-wang peraturan orang ramai | — \$15.5 juta |
| Jumlah | \$47.4 juta |

Tuan Yang di-Pertua, persetujuan Kerajaan meminjamkan itu adalah dengan syarat-syarat yang tertentu yang akan diuruskan oleh Perbendaharaan dan Kementerian Pertanian. Di samping itu peruntukan-peruntukan khas

undang-undang bagi pengurusan dan pentadbiran wajar bank ini hendaklah diadakan. Maka inilah sebabnya Rang Undang-undang ini dikemukakan ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyata-penyata kewangan bank tersebut menunjukkan bahawa sehingga akhir tahun 1975 bank itu telah berjaya mengumpulkan harta sebelum ditolak tanggungan berjumlah lebih daripada \$204.5 juta. Sebahagian daripada jumlah ini telah dilaburkan di dalam lapan buah anak-anak syarikat iaitu \$15.8 juta sebagai saham dan \$64.6 juta lagi bagi pinjaman kepada anak-anak syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada zahirnya bank ini berkembang dengan pesat tetapi sebenarnya kedudukan kewangan bank itu telah mula merosot dan ianya mula mengalami kerugian pada tahun 1973. Sejak itu kedudukan bertambah buruk dan pada tahun 1975 kerugian bank itu telah meningkat sehingga jika dikumpulkan ianya melebihi bukan sahaja modal saham-saham ahlinya bahkan digunakan wang simpanan penyimpan-penyimpannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Timbangan Kira-kira Tahunan Bank pada 30.6.1977 yang belum diodit, kerugian terkumpul sehingga masa itu ialah sebanyak \$34.6 juta berbanding dengan jumlah kumpulan wang ahli sebanyak \$17.7 juta. Ini bermakna, bahawa lebih daripada \$16.9 juta wang simpanan penyimpan-penyimpannya telah digunakan. Pendekata kerugian telah meningkat kepada peringkat yang membawa erti bahawa bank ini adalah di dalam keadaan bangkerap.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya krisis kewangan Bank Rakyat ini adalah hasil daripada perkembangannya tanpa mempunyai rancangan pembangunan dan belanjawan yang tertentu dalam usaha meningkatkan perkembangan dan belanjawan yang tertentu dalam usaha meningkatkan perkembangan aktiviti-aktivitinya, bank ini telah bergerak dengan tidak mengikut lunas-lunas

perjalanan sesebuah badan perniagaan yang cekap dan maju dan tidak pula mematuhi peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Ordinan Syarikat Koperatif 1948. Selain daripada itu kekurangan kakitangan yang berpengalaman yang cekap juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan berlakunya kerugian yang besar itu.

Satu lagi faktor utama yang menyebabkan kerugian besar itu ialah kecuaiian pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan bagi mengawasi kegiatan-kegiatan bank terutamanya pihak Pengurusan dan Jemaah Pengarah yang telah tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sepertimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membaca dan memberi gambaran atas perkara yang disebutkan. Ini ialah gambaran tentang pergerakan bank yang tidak mengikut lunas-lunas perjalanan sesebuah badan perniagaan yang cekap dan maju.

- (1) Pinjaman kepada anak syarikat wang asal dan faedah — \$64.6 juta sehingga tahun 1975.
- (2) Memberi pinjaman kepada anak-anak syarikat tanpa membuat kajian syarat bertulis dan tanpa cagaran.
- (3) *Dasar pinjaman kepada ahli*

Menggunakan wang-wang simpanan tanpa menghiraukan keselamatannya dengan memberi pinjaman jangka panjang lebih daripada 80% dari jumlah wang-wang simpanan.

- (4) *Tatacara*

Tatacara pengeluaran pinjaman, meluluskan pinjaman tanpa membuat kajian teliti dan tidak ada cagaran.

- (5) *Kutipan kembali pinjaman*

Kutipan kembali pinjaman tidak dihiraukan langsung.

(6) *Kos pembiayaan yang tinggi*

Kos pembiayaan adalah 3% lebih tinggi daripada kos amalan biasa bank perdagangan.

(7) *Dasar pelaburan*

Bank melaburkan dalam pasaran saham tanpa membuat kajian dan kebenaran, tiada menyimpan daftar berhubung dengan pelaburan-pelaburannya.

(8) *Perbelanjaan modal*

Membuat perbelanjaan modal tanpa peruntukan dan telah menggunakan wang-wang penyimpan.

(9) *Tatacara pentadbiran*

Pentadbiran dijalankan tanpa panduan dari tatacara tertentu.

Benarkan saya beri gambaran, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara-perkara yang dijalankan oleh Bank ini tanpa mematuhi peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Ordinan Syarikat Koperatif tahun 1948. Melanggar peruntukan Ordinan Syarikat Koperatif 1948, memberi pinjaman kepada peminjam yang bukan ahli. Memberi jaminan bank kepada pemohon yang bukan ahli.

Menubuhkan 8 buah anak syarikat dan melaburkan wang bank ini dengan banyak seperti yang diterangkan di bawah ini tanpa kelulusan Ketua Pendaftar Koperasi. Ianya berjumlah \$103 juta. Dan ia melanggar peruntukan kaedah Syarikat Koperatif 1948:—

- (a) Memberi pinjaman di atas cagaran saham Bank Rakyat sendiri.
- (b) Membeli atau memajak tanah dan membuat pembinaan bangunan tanpa mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.
- (c) Membayar dividen tahun 1974 di atas kadar faedah melebihi 10% tanpa

mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.

- (d) Membayar dividen tanpa kebenaran Ketua Pendaftar bagi tahun 1972, 1973 dan 1974 melibatkan wang sebanyak \$2.4 juta.
- (e) Membentangkan timbangan kira-kira tahun 1972, 1973 dan 1974 kepada Mesyuarat Agung Tahunan tanpa mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.
- (f) Melanggar Peraturan Undang-undang Kecil (By-laws), kegagalan menyediakan mudah-tunai (liquidity) sebanyak 20% daripada jumlah wang penyimpan iaitu 8.4% pada 31.12.1976.
- (g) Menggunakan wang-wang penyimpan untuk melaburkan dalam projek-projek jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang dihadapi oleh Bank Rakyat pada masa ini amatlah teruk dan serius. Mengikut kajian yang telah dijalankan, Bank ini mungkin tidak dapat meneruskan perjalanan aktiviti-aktivitinya tanpa bantuan kewangan yang segera. Oleh itu, untuk menjaga kepentingan ahli-ahli Bank yang berjumlah lebih daripada 27,000 orang dan 1,000 syarikat kerjasama, untuk menjaga kepentingan ahli-ahli Bank terutama koperasi-koperasi dan penyimpan-penyimpan wang, Kerajaan sebagaimana yang saya sebutkan tadi telah bersetuju untuk memberi pinjaman sebanyak \$47.4 juta pada peringkat yang pertama.

Langkah ini diambil dengan penuh kesedaran terhadap peranan penting yang boleh dimainkan oleh gerakan koperasi dalam membaiki taraf hidup rakyat terutama penduduk-penduduk kawasan luar bandar. Tindakan Kerajaan ini adalah perlu memandangkan peranan penting dan berkesan Bank Rakyat, sebagai salah sebuah institusi yang utama, menjayakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa juga mengambil langkah yang perlu bagi menjamin supaya kegiatan dan urusan Bank ini dapat dijalankan dengan lebih teratur dan sempurna, dan ia tidak akan menghadapi krisis kewangan lagi di masa akan datang. Memandangkan keadaan yang tidak sihat yang dialami oleh Bank ini, Kerajaan akan mewujudkan pengawasan dan kawalan yang rapi terhadap pengurusan dan pentadbiran Bank ini di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, atas hasrat dan tujuan inilah Kerajaan mengusulkan Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) yang saya cadangkan untuk dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rang Undang-undang ini, Bank Rakyat masih lagi tertakluk di bawah Ordinan Syarikat Koperatif, 1948 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Ordinan itu serta Undang-undang Kecil Bank itu. Ini bermakna bahawa Bank Rakyat tetap kekal sebagai sebuah koperasi seperti koperasi-koperasi lain yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu. Beberapa peruntukan khas diwujudkan di bawah Rang Undang-undang ini bagi mengatasi krisis yang dihadapinya dan menyelamatkannya dari keadaan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kandungan Rang Undang-undang ini Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengetahuinya dan saya tidak berniat dan berhajat hendak menerangkan satu persatunya, memadailah saya menarik perhatian peruntukan-peruntukan yang penting sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, Fasal 3 — Perkara-perkara yang berlaku berikutan dengan mula berkuatkuasanya Akta, iaitu apa kesannya bila Rang Undang-undang ini berjalan kuatkuasanya

(the consequences upon commencement of the Act).

Selain daripada itu saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada Fasal 4 — Lembaga Pengarah dan tanggungjawab utamanya.

Fasal 14 (1) (g) menjalankan apa-apa urusan lain yang dibenarkan dengan nyata oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Fasal 15 — Sekatan mengenai pembayaran dividen dan pemberian pendahuluan dan pinjaman kepada pengarah.

Begitu juga kepada Fasal 16 — Arahan oleh Menteri, iaitu kuasa yang diberikan kepada Menteri boleh memberi arahan kepada Lembaga Bank itu.

Fasal 17 — Pemeriksaan buku-buku dan lain-lain dan kuasa untuk menyiasat hal ehwal Bank.

Fasal 18 — Maklumat kepada Menteri.

Fasal 19 — Aktiviti-aktiviti yang lalu bagi Bank, iaitu kuasa yang diberikan.

Fasal 20 — Subsidiari-subsidiari Bank.

Fasal 21 — Penyenggaraan Kumpulanwang Rizab Berkanun (Statutory Reserve).

Fasal 22 — Pengistiharan dividen.

Fasal 23 — Odit, iaitu Ketua Odit Negara boleh diangkat menjadi Odit bagi mengoditkan kira-kira Bank itu.

Fasal 24 — Menghantar akaun-akaun, kunci-kunci kira-kira, dan laporan-laporan kepada Menteri dan Menteri Kewangan.

Fasal 30 — Pengurusan tanggungan sendiri, dan ini ialah peruntukan pengarah-pengarah

yang dahulu tidak terlepas daripada tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan memahami sangat iaitu Bank ini ialah Koperatif Bank dan wangnya ialah wang ahli-ahlinya, maka Undang-undang ini ialah bagi sementara sahaja dan jika difikirkan sudah sampai masanya dan kemas tersusun pentadbiran serta pengurusannya, maka Fasal 31 memberi kuasa untuk menamatkan perjalanan kuatkuasa Akta ini.

Saya juga menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Jadual Pertama, iaitu:

Fasal 1 — Keanggotaan Lembaga.

Fasal 2 — Tempoh jawatan ahli-ahli Lembaga itu.

Fasal 3 — Pengarah Urusan dan Pengurus Besar.

Fasal 4 — Setiausaha Bank.

Fasal 7 — Penzahiran kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi bahawa Rang Undang-undang ini penting bagi membolehkan Kerajaan mengawasi dan mengawal pengurusan dan pentadbiran Bank Rakyat supaya ianya dapat diletakkan di atas asas yang lebih kukuh, serta memastikan supaya krisis kewangan seperti yang dialaminya sekarang ini tidak berulang lagi.

Rang Undang-undang ini juga perlu bagi kepentingan gerakan koperasi, kerana Bank Rakyat adalah satu-satunya institusi yang menjadi kemegahan gerakan itu. Kerajaan suka melihat gerakan koperasi berkembang dengan pesat dan sihat di negara ini, kerana ia merupakan satu daripada jentera yang boleh membaiki taraf sosio-ekonomi rakyat.

Kerajaan juga suka melihat Bank Rakyat dapat diurus dan ditadbirkan semula dengan secepat mungkin mengikut prinsip-prinsip dan lunas-lunas koperasi. Oleh itu, Undang-undang yang dicadangkan ini adalah Undang-undang untuk sementara waktu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah memutuskan Rang Undang-undang ini dengan perasaan yang amat sedih berlakunya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi yang kebanyakan daripada kita semua samada di Dewan atau di luar Dewan ini tidak mengetahuinya seberapa buruk kejadian di dalam Bank Rakyat itu dan sekarang dengan perbuatan kecuaiian, kelalaian oleh golongan-golongan yang tertentu, Kerajaan memikul beban kewangan itu, bukan satu juta ringgit saya kata, bukan dua juta, boleh jadi beratus juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.30 ptg.

Tuan Mohd. Sovie bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang telah mendokong dasar koperasi berpuluh tahun saya juga berasa sedih mendengar segala keterangan-keterangan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan perjalanan Bank Rakyat atau koperasi rakyat setakat ini yang sebagaimana kata beliau ialah satu kebanggaan atau satu lambang untuk koperasi rakyat.

Mungkin perkara-perkara yang diterangkan pada hari ini menghairankan. Boleh jadi perkara-perkara yang dikemukakan pada hari ini akan menjadi berita di kepala muka-muka suratkhbar pada hari esok, tetapi saya rasa kita semua terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang secara jujur, secara ikhlas membongkar segala-segala ini. Ini juga barangkali menzahirkan kepada dunia tentang sifat dan corak pemerintahan kita yang tidak segan-segan yang berkesanggupan apabila terbitnya sesuatu perkara yang tidak diingini walaupun perkara itu melibatkan diri kita sendiri, walaupun perkara ini libatkan orang kuat-kuat dalam

parti kita sendiri, mahupun perkara ini mengikat golongan kita sendiri, tetapi kita sanggup mengistihar, membongkar dan mengaku perkara-perkara yang sudah menyeleweng, sudah rosak, sudah salah. Saya rasa inilah yang dikehendaki oleh rakyat. Kalau kita buat salah, kalau kita jujur, walau bagaimanapun besar kesalahannya, kejujuran itu dapat difahami dan dapat diampuni. Cuma bila kita melakukan kesalahan dan kita terus menutup, menyorok dan membiarkan keburukan itu menambah menjadi lebih buruk sehingga meragutkan kepentingan negara, sehingga menjadi satu merbahaya yang besar terhadap negara, itu yang jahat.

Waktu mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya sendiri rasa bagaimana sedihnya beliau tetapi saya sedar juga bahawa kesedihan beliau itu sama-sama dipikul, sama-sama dirasai oleh semua rakyat, oleh semua ahli koperasi Bank, oleh semua orang dalam Dewan ini, oleh semua pegawai, oleh semua kakitangan Bank ini tetapi yang menghairankan ialah kenapa begini lama keadaan ini berjalan. Ini mungkin patut dijadikan satu pelajaran kepada kita supaya kita mengawasi setiap pertubuhan, setiap badan berkanun, yang diberi kewangan dan diberi kepercayaan oleh Kerajaan. Saya rasa bukan sahaja Bank Rakyat ini yang telah mengalami penyakit ini, boleh jadi ada lagi lain-lain badan, lain-lain pertubuhan, lain-lain perusahaan, lain-lain syarikat tunjangan dan sebagainya yang mungkin ada sakit-sakitnya sedikit-sebanyak yang barangkali kalau kita dapat mengesannya pada tingkat yang awal dapat kita membetul, mengubatkannya dan memperbaikinya sehingga tidak kita tinggalkan dia sampai begini terus sakit, sampai terbeban beratus-ratus juta sebagaimana terdapat dalam kenyataan yang kita terima pada hari ini.

Saya rasa dan percaya pihak Kerajaan tentulah akan mengambil perkara atau peristiwa ini sebagai satu penyedar untuk mengusaha, mengadakan usaha, mengkaji, memeriksa dan mengesan supaya peristiwa

semacam Bank Rakyat ini tidak akan terdapat lagi atau akan merebak di kawasan yang lain.

Saya rasa sungguhpun ini ialah satu undang-undang yang agak keras, yang agak kuat sehingga mengadakan peruntukan memberi kuasa-kuasa bagi mereka yang memegang jawatan atau bertanggungjawab di masa yang lepas supaya dipaksa di bawah undang-undang ini memberi keterangan dan penjelasan. Dengan itu pada hemat saya tidak dapat dielakkan apabila tanggungjawab terhadap masyarakat, social responsibility yang sedemikian terlibat tidak dapat dielak, responsibility atau tanggungjawab itu mesti dijelaskan sehingga beres, sehingga bersih. Sebab itu saya memberi sokongan sepenuhnya kepada Bank ini sambil mengambil perhatian bahawa sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi undang-undang ini boleh ditamatkan kuasanya apabila sampai masanya dianggap tidak perlu lagi supaya dapat pertubuhan ini pulang balik kepada taraf dan keadaan sediakala dan saya harap dengan adanya undang-undang ini dapatlah digerakkan, dijalankan segala usaha-usaha menurut peruntukan-peruntukan dalam undang-undang ini untuk membersihkan institusi ini sehingga segala yang salah itu dapat dibetul, mereka yang bertanggungjawab itu dihakimi, diberi hukuman yang sewajarnya supaya tiap-tiap satu sen wang rakyat khususnya kaum tani yang menjadi asas pada pertubuhan ini terjamin dan terselamat sehingga dapat kita menjalankan balik Bank Rakyat ini dengan baiknya dan ia kembali menjadi lambang untuk gerakan koperasi untuk seluruh negara kita.

4.40 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukanlah untuk mempersoal-jawabkan di dalam Dewan yang mulia ini samada benar atau tidak kerugian-kerugian yang telah dialami oleh Bank Rakyat sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Apa yang suka saya

menyentuh adalah keberanian dan kesanggupan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa keburukan pentadbiran Bank Rakyat pada masa-masa yang lampau yang telah merosot katanya daripada tahun 1973 adalah menjadi tanggungjawab beliau.

Saya suka menyatakan di sini bahawa keadaan yang buruk itu berlaku pada tahun 1973 sehingga sekarang bulan Disember, 1977 bermakna bahawa sesudah 5 tahun, ketika ini barulah rakyat semua dapat gambaran yang benar berapa juta Bank Rakyat telah mengalami kerugian dan cara-cara penyelewengan yang telah dilakukan oleh Bank Rakyat.

Saya mengalu-alukan komen daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan bahawa tanggungjawab kerugian Bank Rakyat adalah tanggungjawab pengurusan dan jemaah pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka membawa perhatian Dewan bahawa jika tindakan hendak diambil terhadap mereka yang telah tidak bertanggungjawab kepada kerugian yang begitu buruk kepada Bank Rakyat, maka hendaklah kesemuanya daripada Pengerusi hingga kepada semua Lembaga Pengarah Bank Rakyat yang lampau digantikan dengan muka-muka baru. Saya minta supaya janganlah ditinggalkan lagi muka-muka lama di dalam Ahli Lembaga Pengarah yang baru itu. Contohnya di dalam Kerajaan kita, kalau ada sesuatu kesilapan daripada Kerajaan, maka yang bertanggungjawab adalah kesemua ahli Jemaah Kabinet. Begitu juga di dalam sesuatu pasukan, sesuatu kesalahan itu tidaklah boleh ditumpukan kepada pengerusi dan dua tiga orang sahaja lembaga pengarahnya, tetapi kesemuanya hendaklah bertanggungjawab kerana ini adalah apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tanggungjawab kerugian Bank Rakyat adalah tanggungjawab pengurusan dan jemaah pengarahnya. Tetapi saya suka mengatakan di

sini bahawa tiap-tiap perniagaan baik apapun bentuk dan rupanya mesti mengalami untung dan rugi, tetapi biarlah kerugian itu benar-benar kerugian dengan sebab-sebab yang boleh dikesan dan diketahui tetapi kalau kerugian itu adalah kerana penyelewengan dan kerugian itu dibuat benar-benar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertentangan dengan peraturan-peraturan Bank ataupun memorandum dan article sesebuah syarikat, maka itu memanglah kita tidak boleh menafikan perbuatan penyelewengan.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas bahawa di dalam Dewan ini sudah berkali-kali diperingatkan oleh beberapa orang Ahli Dewan Rakyat berkenaan dengan penyelewengan bukan sahaja di dalam Bank Rakyat pada masa yang lampau tetapi juga di dalam beberapa badan berkanun, tetapi apa yang mendukacitakan kita, adalah sikap para Menteri iaitu apabila penyelewengan-penyelewengan itu dibongkar dengan segala kejujuran dan keikhlasan daripada ahli-ahli back-bencher, mereka itu mempertahankan seolah-olah mereka itu menjadi defence council kepada badan-badan yang duduk di bawah Kementeriannya. Tidak ada seorang, selain daripada dua tiga Menteri yang sememang berani mengakui kesilapan dan berjanji akan menyiasat. Kebanyakan Menteri cuma bersikap sebagai defence council, sebagaimana saya katakan tadi menafikan adanya penyelewengan di dalam badan-badan yang disebutkan itu. Saya berharap apabila kami daripada Ahli Dewan Rakyat terutama dari golongan back-benchers menyuarakan sesuatu, sebenarnya bukanlah kerana kami hendakkan publisiti, tetapi kami telah ditugaskan, dilantik oleh rakyat dan tidak sunyi pula apabila dilantik itu, kami menerima surat-surat samada surat terbang, surat melayang, surat bertandatangan atau tidak bertandatangan yang menyampaikan kepada kami dengan bukti-bukti mengenai perkara yang menyeleweng dan tidak menyenangkan hati.

Tuan Yang di-Pertua, kami sebagaimana Ahli-ahli Parlimen biasa bukanlah memegang jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, usaha, tenaga dan kudrat kami untuk membuat sesuatu siasatan adalah terhad. Kami menyasiat setakat yang boleh tetapi untuk melebihi apa yang boleh, tentu sahaja pegawai-pegawai berkenaan tidak membenarkan kami menyasiat resit-resit baucer-baucer, buku-buku kewangan, minit-minit mesyuarat dan sebagainya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Misalan itu nampaknya sudah jauh sangat. Saya minta berbalik kepada Rang Undang-undang ini. Tapi tak mengapalah, saya ingatkan sahaja.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta, oleh kerana ini suatu contoh di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dapat menyasiat dan dapat mengetahui, maka hari ini mulai pada 19hb Disember, 1977 hendaklah diambil berat dan diperhatikan oleh Menteri-menteri lain supaya ketika kami menyuarakan sesuatu benar-benar perkara itu disiasat.

Di samping itu, saya suka membawa perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Dewan yang mulia ini kepada Fasal 14 (1) (a) dan (b). Saya minta agar dapat penerangan dibuat atas Fasal 14 (1) (a) iaitu:

“memberi pinjaman kepada, dan menjadi penggerenti bagi apa-apa pinjaman wang kepada seseorang samada Ahli Bank atau tidak.”

Perkataan “seseorang” itu adakah termasuk syarikat-syarikat atau firma-firma kerana di dalam Fasal 14 (1) (e) ada disebutkan bahawa “memperolehi dan menjalankan kesemua atau apa-apa bahagian urusan seseorang atau sesuatu syarikat....”. Tetapi di Fasal 14 (1) (a) ini tidak disebutkan. Barangkali memberi pinjaman itu bolehlah kepada

syarikat pada ertikata Fasal 14 (1) (a), hanya kepada seseorang sahaja yang tidak boleh.

Saya suka juga menyentuh Fasal 15 (1) (b) yang menyatakan Bank tidak boleh memberi pendahuluan takbercagar atau pinjaman takbercagar lebih daripada atau mengikut aggregate dan masih dijelaskan pada satu masa \$10,000 kepada mana-mana pengarah, mana-mana firma atau perbadanan yang ada pengarah-pengarah itu terlibat dan sebagainya. Di sini apa yang saya suka mendapat penerangan, adakah ini bermakna bahawa Bank boleh memberi pinjaman takbercagar katalah 9,999 ataupun angka yang kurang daripada \$10,000 kepada Pengarah-pengarahnya dan lain-lain dan dibuat oleh Bank tersebut bukan pada sesuatu masa sebagaimana dikatakan di sini “pada sesuatu masa” tetapi dari masa ke semasa. Ini sahajalah satu dua perkara yang saya hendak sentuh berkenaan dengan Fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada pihak-pihak berkenaan terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar di dalam melantik Pengerusi-pengerusi dan Lembaga Pengarah di dalam Bank mengikut Jadual Pertama lantiklah kerana kita sudah tahu dan sedar perkara-perkara yang terjadi bukan daripada Menteri Besar ataupun bukan daripada Ketua Menteri dan tidak benar daripada satu orang yang boleh memberi perkhidmatan secara penuh. Kalaulah kata daripada Menteri Besar atau daripada Ketua Menteri dijadikan Pengerusi Bank Rakyat dan kerana beliau ini memegang satu tugas di sesuatu negeri tentu sahaja kita tidak boleh dapat orang ini menumpukan perkhidmatan sepenuhnya kepada Bank dan tentu sahaja orang-orang yang kita lantik seperti ini menjadi Pengerusi Bank Rakyat mengharapkan segala kerja-kerja yang penuh dengan tanggungjawab mengeluarkan wang bukan kata satu dua juta, berpuluh juta kepada eksekutif-eksekutif dalam Bank itu dan mungkin juga perlantikan

Pengerusi dan Lembaga Pengarah dibuat macam cara-cara yang dahulu. Walau bagaimanapun diadakan syarat-syaratnya, tiap-tiap manusia itu memang kalau tidak boleh dua tiga juta, lima juta, sepuluh juta boleh dibeli, kalau tidak boleh dibeli dengan wang dibeli dengan kebendaan maka akan terjadi lagi sekali pisang berbuah dua kali. Oleh itu, saya berharap dapatlah Pengerusi dan Lembaga Pengarah itu dilantik daripada orang yang benar-benar tahu akan selok-belok bank dan saya lihat ada di antara Lembaga-lembaga Pengarah Bank Rakyat sekarang apabila disoal-jawab di satu perbicaraan tidak mengetahui debit dan kredit dan tidak mengetahui gross dan nett, orang ini dilantik menjadi Lembaga Pengarah Bank Rakyat.

Sekianlah sahaja teguran-teguran ikhlas daripada saya, saya harap akan dapat perhatian sewajarnya.

4.55 ptg.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah berpindah daripada sebelah sana kepada sebelah sini tetapi oleh kerana memandangkan bahawa demi kepentingan wang-wang modal dan wang-wang pertaruhan yang telah ditaruhkan kepada Bank Rakyat oleh golongan yang miskin yang terdiri daripada petani, pesawah, nelayan dan sebagainya yang berjumlah beratus-ratus ribu orang, bukan puluh ribu lagi saya rasa beratus ribu, jika dijumlahkan dengan Ahli-ahli Syarikat Kerjasama Kampung yang menjadi ahli kepada Bank Rakyat. Maka dengan sebab itu demi kepentingan ini semua saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan kepada Kerajaan bila Undang-undang ini dikuatkuasakan dalam ertikata Bank Kerjasama Rakyat ala MAGERAN di mana ala MAGERAN Kerajaan Kelantan, saya berharap Kerajaan dapat mengkaji semua bersabit dengan faedah-faedah di atas pinjaman

yang diberikan kepada ahli terutama sekali kepada ahli-ahli yang bersifat pertanian, umpamanya mengatasi padi kunca atau padi ratus, menebus dan membeli tanah pertanian dan juga perniagaan kepada bumiputra. Kerana apa yang saya difahamkan bahawa pada masa ini Bank Kerjasama Rakyat telah mengenakan faedah di atas pinjamannya di antara 10% — 13% bergantung kepada banyak pinjaman itu, jenis pinjaman itu dan lama pinjaman itu dikehendaki. Saya kira bagi pertanian pinjaman yang seumpama ini sangatlah tinggi dan berlawanan samasekali dengan tujuan asal Bank Kerjasama Malaysia Berhad ini ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebutkan sedikit bersabit dengan Bank Kerjasama Malaysia Berhad mula diasaskan. Bank Kerjasama Malaysia Berhad mula diasaskan kira-kira pada awal tahun 50an iaitu diasaskan oleh Datuk Seri Shiekh Ahmad, bekas Menteri Besar Perlis dengan nama Bank Agung Kampung Kerjasama yang menjadi ahli Bank Agung Kampung pada masa itu ialah Bank-bank Persatuan, Persatuan-persatuan Kilang Padi, Persatuan-persatuan Nelayan dan sebagainya yang mana di Negeri Kedah pada masa itu ada tiga buah Bank Persatuan iaitu Kedah Tengah, Kedah Utara dan Kedah Selatan. Faedah yang dikeluarkan oleh Bank Agung pada masa itu pada ahli Syarikat Kerjasama di kampung ialah 8% setahun atas pinjaman membeli harta, menebus harta dan juga pinjaman untuk melepaskan daripada mengatasi padi kunca. Dalam satu Mesyuarat Agung di Kuala Lumpur ini wakil-wakil daripada bank-bank Persatuan yang saya sebutkan tadi telah ber-setuju dengan sebulat suara di atas cadangan saya sendiri iaitu membubarkan semua Bank-bank Persatuan dalam negara ini dan semua harta Bank-bank Persatuan diserahkan kepada Bank Kerjasama Rakyat dan namanya diubah daripada Bank Agung kepada Bank Kerjasama Rakyat dengan tujuan untuk mengurangkan faedah yang dikenakan kepada ahli-ahli Syarikat Kerjasama Kampung.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Faedah yang dikenakan kepada ahli Syarikat Kerjasama Kampung hanya 8% iaitu 2% untuk Bank Agung, 2% untuk pentadbiran Bank Kerjasama, Bank Persatuan Negeri-negeri dan 4% kepada Syarikat Kerjasama di kampung-kampung. Dengan dibubarkan Bank Persatuan-persatuan dan Persatuan-persatuan Kilang Padi tujuannya supaya ahli Syarikat Kerjasama di kampung dapat menikmati faedah yang kurang iaitu 6%. Tetapi alangkah malangnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini faedah yang dikenakan sepertimana yang saya katakan tadi di antara 10% hingga 13% menurut banyak sedikit pinjaman itu, jenis pinjamannya dan juga banyak pinjaman yang dikehendaki. Ini rasa saya bukan sahaja sangat berlawanan dengan tujuan Bank Kerjasama Rakyat ditubuhkan bahkan memberatkan petani-petani yang bekerja sawah, nelayan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang hendak saya sebutkan di sini ialah bersabit dengan wang ganti rugi; saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sedikit, sebab ada sangkutnya dengan Bank Kerjasama Rakyat, wang ganti rugi kejatuhan harga padi dengan terkejut pada tahun 1954 iaitu di zaman penjajah. Waktu padi kami di bendang sedang menguning sedangkan harga padi pada masa itu dijamin oleh Kerajaan \$18.00 sepikul tiba-tiba Kerajaan penjajah menjatuhkannya dengan terkejut sebanyak \$12.00 sepikul. Dengan sebab itu kami di Kedah — sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Batas tahulah — telah mengadakan kongres dan perjumpaan menuntut ganti rugi kepada Kerajaan kerana menjatuhkan harga padi dengan terkejut dengan tidak memberi amaran kepada kami sedangkan padi kamu sudah menguning. Hasil daripada kongres yang beberapa kali, akhirnya Kerajaan, pada masa itu Kerajaan penjajah bersetuju memberikan ganti rugi sebanyak \$20 juta kepada penanam padi; \$10 juta diberikan secara langsung kepada pesawah-pesawah di seluruh negara,

kami di Negeri Kedah mendapat \$4.6 juta dan kami jadikan Lembaga Kemajuan Penanam Padi Negeri Kedah sekarang, \$5 juta diuntukkan kepada nelayan dan \$5 juta diperuntukkan kepada mengatasi padi kunca.

Sepanjang yang saya tahu di waktu saya menjadi Jemaah Pengarah Bank Kerjasama (Bank Agung) dahulu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberikan pinjaman kepada Bank Agung wang \$5 juta itu dengan faedah yang minima, kalau tidak salah saya $\frac{1}{2}$ %, saya pun lupa. Soalnya sekarang di mana letaknya wang \$5 juta yang ada pada masa itu kepada Kerajaan samada diberikan kepada Bank Kerjasama Rakyat. Kalau diberikan kepada Bank Kerjasama Rakyat mengapa atas pesawah-pesawah untuk mengatasi padi kunca dikenakan faedah yang tinggi 8% sampai 10%. Mengapa tidak boleh diberi dengan faedah yang minima kerana wang ini adalah wang benar-benar untuk mengatasi padi kunca yang diberikan oleh penjajah pada tahun 1954 dahulu. Itu soal saya. Saya harap Kerajaan setelah Bank Kerjasama Rakyat pentadbirannya bersifat ala MAGERAN, saya harap perkara ini juga Kerajaan akan mengambil perhatian.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah di bawah Perkara 14 (1) —

- (a) memberi pinjaman kepada, dan menjadi penggerenti bagi apa-apa pinjaman wang kepada, seseorang samada ahli Bank atau tidak;”

Saya tidak faham bagaimana kedudukan ini, sama juga seperti sahabat saya Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Kerana menurut Undang-undang Kecil Bank Kerjasama Rakyat yang ada pada saya ini sendiri dia mestilah menjadi ahli Bank Kerjasama Rakyat baharulah mendapat pinjaman daripada Bank Kerjasama Rakyat, tetapi Akta ini mengatakan samada ahli dan bukan ahli. Jadi, saya tidak faham bagaimana masalah ini dan saya harap mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, Jadual Pertama bersabit dengan keanggotaan Lembaga. Kalau

tidak salah saya di sini mengatakan tidak kurang daripada enam dan tidak lebih daripada sembilan orang. Apa yang saya harap ialah orang-orang yang benar-benar mempunyai kelayakan dan kebolehan, terutama sekali dalam masalah bank dilantik menjadi Jemaah Pengarah. Saya sangat-sangat berharap Bank Kerjasama Rakyat ala MAGERAN tidak akan dilantik berasaskan ahli-ahli politik menjadi Jemaah Pengarah.

5.05 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar penjelasan yang begitu lengkap daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka langkah Kerajaan untuk mengambil tindakan yang positif hendak memulihkan Bank Rakyat ini dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini sangatlah dialu-alukan di atas sebab-sebab yang kita semua baharu dengar tadi. Langkah Kerajaan untuk masuk campur secara langsung di dalam hal pentadbiran Bank Rakyat lebih daripada menasabah disebabkan perkembangan yang tidak sihat Bank Rakyat sebelum kes Tinju Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, tidak susah bagi seseorang itu untuk memahami mengapakah berlakunya penyelewengan Bank Rakyat. Di manakah silapnya, adakah kesilapan di atas sistem, adakah kesilapan di atas seseorang ataupun kumpulan manusia? Sungguhpun Bank Rakyat ini suatu institusi perniagaan namun demikian, ia adalah pertubuhan kerjasama. Jadi, segala aktivitiinya adalah mengikut peruntukan-peruntukan Ordinan Kerjasama 1948. Sebagai sebuah pertubuhan kerjasama maka Pendaftar adalah menjadi sebagai penasihat yang utama, Pendaftar Kerjasama ini memainkan peranan yang sangat penting. Di sebaliknya pula Pengarah Urusan Bank Rakyat ini ialah seorang yang berpengalaman luas di dalam bidang kewangan, yang pernah pada satu ketika saya difahamkan bekerja di dalam Treasury, seorang peniaga yang pintar sedangkan penasihatnya adalah seorang pegawai tinggi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat jangan sentuh apa-apa yang sekarang ini dianggap *sub judice*.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di sini mungkin ada suatu kesulitan yang dihadapi oleh Bank iaitu di mana orang yang patut memainkan peranan yang penting itu bukanlah seorang financier. Jadi, mungkin lahir dalam Bahasa Inggerisnya 'psychological defeat'. Bank Rakyat semenjak tertubuhnya pada mulanya di dalam tiga tahun telah menjalankan aktivitiinya mengikut Ordinan berkenaan, tetapi setelah tahun 1973 Bank ini telah mulai menyeleweng. Umpamanya, daripada apa yang saya ketahui di antara penyelewengan ini:

- (1) Akaun-akaun tahunan dibentangkan kepada Mesyuarat Agung sebelum ianya diluluskan oleh Pendaftar Koperasi.
- (2) Membuat pelaburan seperti membeli saham United Manufacturers dengan tidak disedari oleh Lembaga Pengarah.
- (3) Meminjamkan wang kepada syarikat miliknya dengan tidak diketahui oleh Lembaga Pengarah.
- (4) Membina Angkasaraya dengan tidak membuat sebarang perjanjian yang sempurna.
- (5) Pengarah Urusan tidak memberikan taklimat sepenuhnya kepada Ahli Lembaga Pengarah dan juga memberikan sebanyak 12½% dividend tanpa diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dan contohnya yang paling baik sekali sebagaimana Bank Rakyat ini bergerak ialah mengenai dengan kes Tinju Dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang saya rasa Bil ini patut sangat diadakan ialah setakat yang saya tahu Bank Rakyat selama-lamanya tidak mempunyai akaun yang sempurna. Memang anih jikalau kita fikirkan oleh kerana suatu pertubuhan

besar tidak mempunyai akaun yang sempurna. Misalnya, Buku Tunai Harian Bank Rakyat tidak mempunyai angka-angka tunjuk (follow reference) ke atas pindah angka ke akaun buku-buku lebar dan satu jadual pindah angka tidak dibuat dengan kemas. Apa yang ada ialah satu fail kertas kerja yang mengandungi pecahan-pecahan jumlah yang dipindahkan dari buku tunai harian ke akaun buku lebar tetapi angka-angka pecahan tersebut adalah tanpa angka tunjuk untuk mengesan atau merujuk dari muka surat mana tiap-tiap pecahan angka itu berada di dalam buku tunai harian. Ini adalah sebahagian contohnya sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau hendak dibilangkan dan hendak dibacakan semua sekali penyelewengan Bank Rakyat barangkali tiga jam pun tak habis.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya rasa Rang Undang-undang ini adalah baik dan kemas dan tentulah dibuat oleh Penggubal Undang-undang dengan nasihat-nasihat daripada pakar-pakar kewangan. Tetapi saya berpendapat jikalau kita ada Undang-undang yang baik sahaja tanpa kita mempunyai tenaga untuk melaksanakannya ini mungkin kita tidak dapat mencapai tujuan kita itu. Jadi, saya berharap kepada Menteri berkenaan yang ada kuasa untuk melantik Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini benar-benar dapat menjalankan tugasnya dengan baik, iaitu hendaklah berhati-hati di dalam membuat perlantikan dan memberikan sepenuh pertimbangan kepada kebolehan dan kecakapan tiap-tiap ahli Lembaga Pengarah dan selain ahli-ahli ini mempunyai kebolehan profesional, mereka ini patut juga terdiri daripada kalangan orang yang mempunyai penuh perasaan self-involved di dalam melaksanakan hasrat dan tujuan Kerajaan. Itulah harapan saya. Tidak ada guna jikalau kita memilih ahli-ahli Lembaga Pengarah ini oleh kerana kedudukan, kerana umur, kerana jasa ataupun sebagainya, Kerajaan sepatutnya selepas pengalaman Bank Rakyat ini memikirkan perkara ini dengan secara yang paling objektif.

Umur, title tidak menjadi masalah tetapi kita cari orang yang betul-betul memahami akan dasar Kerajaan, yang mempunyai kebolehan, yang mempunyai tenaga untuk bekerja. Saya percaya Bank Rakyat ini akan dapat dipulihkan dengan dalam jangka masa tidak berapa lama.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya akan Rang Undang-undang ini.

5.15 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Alor Gajah): Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil dari Kepala Batas dan Kuala Selangor telah membangkitkan soalan apakah sebabnya Kerajaan membiarkan kemerosotan ataupun kekecohan yang berlaku di dalam Bank Rakyat itu sekian lama. Oleh kerana saya salah seorang yang telah bertanggungjawab juga atas sebahagian daripada perjalanan Bank Rakyat, sukalah saya mengambil peluang yang ringkas pada petang ini untuk memberikan penjelasan.

Jabatan Koperasi telah dipindahkan kepada Kementerian Luar Bandar pada tahun 1973 di mana saya bertanggungjawab sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar pada waktu itu. Untuk pengetahuan Ahli Dewan ini, wakil daripada Kementerian, dan biasanya ialah pegawai daripada Jabatan Koperasi adalah menjadi salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Bank tersebut untuk memandu, memberi nasihat kepada Ahli Lembaga Pengarah Bank itu.

Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi bahawa kekusutan itu mulai berlaku dalam tahun 1973. Perkara itu adalah benar kerana wakil Kementerian yang duduk di dalam Lembaga Pengarah Bank tersebut telahpun memberikan laporan kepada saya daripada satu masa ke satu masa di atas kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan, terutama sekali atas penanam modal dengan tidak mendapat izin terlebih dahulu daripada Jabatan Koperasi.

Saya telahpun mengarahkan wakil Kementerian supaya bertindak tegas menyekat jika sekiranya ada berlaku apa-apa kesilapan. Pada tahun itu kesilapan-kesilapan yang dibuat itu hanya baru bermula sahaja dan kesilapan-kesilapan itu adalah kesilapan kecil yang setengahnya telahpun dapat diperbaiki, tetapi menjelang tahun 1974 keadaan itu telah menjadi lebih buruk kerana perjalanan Bank itu dalam tahun 1974 didapati menanggung kerugian tetapi sebaliknya Bank mampu pula mengeluarkan keuntungan sebanyak 10% kalau tidak silap saya kepada pemegang-pemegang saham. Ini amatlah ganjil sekali dan menimbulkan syak-wasangka kepada pihak Kementerian kerana bagaimana perkara yang seperti itu boleh berlaku. Dari tarikh itulah Allahyarham Perdana Menteri kita yang lalu, Tun Abdul Razak telahpun memerintahkan saya supaya mengadakan satu jawatankuasa untuk menjalankan penyiasatan selanjutnya. Ekoran daripada penyelidikan oleh jawatankuasa yang saya sebutkan itulah maka timbulnya satu Usul di dalam Dewan ini yang dibawa oleh Perdana Menteri untuk mengambil alih kuasa Bank tersebut. Tujuan saya bangun dan bercakap di Dewan ini ialah semata-mata hendak menerangkan kepada kedua-dua Ahli yang telah bercakap, yang telah menimbulkan soalan mengapa Kerajaan membiarkan sekian lama berlakunya keburukan itu baru tindakan diambil.

Yang sebenarnya, tindakan permulaan telahpun diambil dari mula-mula lagi dan akhirnya sebuah jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk menjalankan penyiasatan. Dan penyiasatan tentulah mengambil masa yang lama kerana Kerajaan sangat berhati-hati sebelum mengambil alih bank ini mestilah ada bukti-bukti yang cukup, kalau tidak mungkin akan timbul silap faham daripada penanam-penanam modal dalam negeri ini mengatakan bahawa Kerajaan telah mengubah dasar iaitu hendak memiliknegerakan bank-bank di Malaysia dan akhirnya memiliknegerakan perusahaan-perusahaan yang lain yang membawa kepada bahaya kepada ekonomi negara kita. Dan pada petang ini

sampailah masanya yang Kerajaan melalui Perdana Menteri menerangkan dengan se-jelas-jelasnya keburukan yang berlaku itu dan inilah hasil penyiasatan yang telah dibuat oleh Kerajaan daripada semenjak tiga tahun yang lalu itu. Bagi pihak saya, menyokong Usul ini.

5.22 ptg.

Tuan Haji Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Yang di-Pertua, selepas saya mendengar penerangan yang telah diberikan oleh sahabat saya daripada Alor Gajah, ingin saya berucap secara ringkas dalam perbahasan ini.

Pada pandangan saya yang bertanggungjawab dalam soal apa yang telah berlaku kepada Bank Rakyat ini bukanlah boleh diletakkan bebanan itu dengan sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah atau Pengurusan Bank itu, bahkan saya rasa patut juga Jabatan Koperasi dan pegawai-pegawai kanan yang mengawasi bank itu juga bertanggungjawab sedikit-sebanyak di atas apa yang telah berlaku. Begitu juga Kementerian yang berkenaan dalam hal ini.

Jadi, dalam Jabatan Koperasi ada Pendaftaran Besar yang bertanggungjawab terus-menerus di atas perjalanan gerakan koperasi di negara kita termasuk jugalah Bank Rakyat yang didaftarkan di bawah Undang-undang Koperasi. Dan harus juga kita ingat bahawa di dalam Lembaga Pengarah Bank itu bukan sahaja ada wakil-wakil daripada koperasi-koperasi yang berkenaan tetapi juga wakil-wakil daripada Kementerian-kementerian yang bersangkutan, misalnya, Kementerian Kewangan ada wakilnya dan dia juga bertanggungjawab untuk mengawasi bagaimana wang Kerajaan dan wang rakyat yang diamanahkan kepada bank itu dijalankan oleh bank ini.

Jadi, saya nampak mengikut syor yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini maka pihak yang bertanggungjawab nanti untuk melihat supaya peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini dijalankan

ialah Menteri yang bertanggungjawab di atas gerakan koperasi.

Dengan segala hormatnya saya menyatakan bahawa daripada pengalaman yang kita sudah lihat selama ini, saya tidak ingat bahawa Kementerian yang mempunyai expertise yang cukup untuk membersihkan apa yang telah berlaku selama ini. Oleh kerana itu, saya membuat syor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Kerajaan kita melantik Bank Negara untuk memegang amanah selama ini bagi membersihkan segala kekotoran yang ada di dalam bank itu bukan sahaja selama 5 tahun yang berlaku tetapi boleh jadi sudah 10 tahun yang lalu. Jadi dengan Bank Negara yang mempunyai expertise yang cukup dapat dia menolong dan membantu pihak Kerajaan membersihkan dan selepas itu diserahkan balik kepada pihak yang berkenaan untuk menjalankan semula.

5.25 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangannya kepada Rang Undang-undang ini, terutamanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah yang telah menerangkan latarbelakangnya.

Berikutan daripada soalan atau pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor kenapa perkara ini telah didiamkan walhal perkara ini sudah berbangkit daripada tahun 1973, Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah itu telah menerangkan latarbelakangnya dan begitu juga saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda yang telah memberi pandangannya berkenaan dengan orang-orang yang ada kecekapan supaya membantu Bank Rakyat ini supaya dapat dipulihkan semula dengan seberapa cepat yang mungkin.

Sebagaimana yang saya telah terangkan tadi penyiasatan yang masih berjalan itu dibuat oleh akauntan-akauntan yang telah dilantik

begitu juga peguam-peguam yang telah diambil ataupun diminta pertolongannya oleh Bank Rakyat itu, saya percaya apabila penyiasatan itu selesai tentu kita dapat gambaran yang lebih terang lagi dan begitu juga bilangan wang yang ada terlibat berbangkit daripada perkara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa lagi hendak memberi pandangan dan saya ucapkan sekali lagi berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang

Akta Pencen (Pindaan), 1977, dibacakan bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini ialah bertujuan untuk melaksanakan secara kuatkuasa Undang-undang beberapa perubahan kepada sekim faedah-faedah tamat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam yang telah membuat opsyen untuk setuju terima tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru berdasarkan kepada syor-syor di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini maklum, Kerajaan telahpun melaksanakan mulai 1hb Julai, 1977, Tanggagaji Bersih Baru dan Syarat-syarat Perkhidmatan Baru Laporan Jawatankuasa Kabinet dengan kuatkuasa kepada pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam yang telah memulangkan kertas opsyen setuju terima sekim baru itu dengan tarikh kuatkuasa bermula daripada 1hb Januari, 1976 atau tarikh lantikan selepas tarikh itu. Faedah-faedah tamat perkhidmatan seperti ganjaran dan pencen menggunakan faktor-faktor yang baru dan lain-lain belum dapat dilaksanakan disebabkan ketiadaan Undang-undang yang membolehkan perlaksanaannya. Sehingga satu Undang-undang yang dimaksudkan diluluskan, Kerajaan terus membuat pembayaran pencen dan lain-lain faedah tamat perkhidmatan berdasarkan Undang-undang Pencen dan Tanggagaji lama. Kerajaan sedar bahawa hal keadaan yang begini telah menimbulkan kegelisahan di kalangan pegawai Kerajaan yang telah bersara semenjak 1hb Januari, 1976. Usaha bagi memperkemas pindaan kepada Undang-undang Pencen ini telah diuruskan untuk menyegerakan pemberian faedah-faedah tamat perkhidmatan berdasarkan Tanggagaji Bersih Baru Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, penyemakan Tanggagaji bagi kakitangan Kerajaan yang dilaksanakan baru-baru ini adalah juga membaiki faedah-faedah tamat perkhidmatan. Perubahan-perubahan yang dibuat bukan sahaja untuk faedah kakitangan yang bersara, jaminan juga

diberikan kepada orang-orang tanggungan kepada kakitangan Kerajaan. Antara faedah itu, yang besar ialah seperti berikut:—

- (a) Pemulihan faktor pencen daripada 1/800 kepada 1/600 semula dengan pemisahan kiraan ganjaran daripada pencen. Sebagai tambahan kepada pencen kakitangan Kerajaan yang bersara diberi ganjaran atas kadar 5% daripada gaji akhir yang dikalikan dengan jumlah bulan dalam tempoh perkhidmatan. Faedah ini adalah sama dengan faedah yang didapati oleh pesara-pesara daripada Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan;
- (b) Tempoh dalam perkhidmatan sebelum seseorang kakitangan tetap diberi taraf berpencen adalah diubah daripada tiga tahun kepada 10 tahun. Pindaan ini pun bertujuan menyamakan peraturan di kalangan pekerja dalam sektor awam;
- (c) Dalam tempoh 10 tahun permulaan perkhidmatan, seseorang pekerja dikehendaki mencarum ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atas kadar yang ditetapkan oleh undang-undang (sekarang ini ialah 6% daripada gaji bulanan), sebelum diberi taraf pencen. Dalam tempoh 10 tahun itu, Majikan iaitu Kerajaan akan menokok caruman tersebut sebanyak 10% lagi daripada gaji bulanan tiap-tiap pencarum;
- (d) Pekerja-pekerja tetap yang meninggal dunia sebelum sempat diberi taraf berpencen akan dianggap seolah-olah telah mendapat taraf berpencen, walaupun tempoh perkhidmatannya belum cukup 10 tahun. Orang-orang tanggungan pekerja itu akan layak ditimbangkan untuk mendapat pencen bulanan sekurang-kurangnya 1/5 daripada gaji akhir bagi tempoh yang tidak lebih daripada 12½ tahun. Ganjaran juga akan diberikan mengikut kadar yang disebutkan tadi; dan

- (e) Sebelum ini hanya tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan sahaja yang boleh diambil-kira untuk perkiraan jumlah pencen yang dibayar. Di bawah Sekim Tanggagaji Bersih Baru, tempoh-tempoh perkhidmatan dengan mana-mana Badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan, bahkan juga tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan dalam Pemerintahan Jepun pun boleh dicantumkan dengan tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam untuk pengiraan pencen dan ganjaran.

Tuan Yang di-Pertua, pembayaran pencen adalah dipertanggungjawabkan ke atas "charged expenditure". Oleh yang demikian itu, maka perlulah dipinda segera Undang-undang berkenaan untuk mendapatkan kuasa yang membolehkan Kerajaan melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dibuat mengenai faedah-faedah tamat perkhidmatan seperti yang diterangkan itu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk menjamin faedah-faedah yang patut diterima oleh pesara-pesara dan orang-orang tanggungan mereka yang telah meninggal dunia. Di samping itu, kesempatan juga diambil memasukkan dalam Rang Undang-undang ini, cadangan-cadangan membetul atau mengubahsuai beberapa peruntukan-peruntukan yang tidak lagi sesuai dipakai di bawah Tanggagaji Bersih Baru Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa pembaikan-pembaikan terhadap faedah tamat perkhidmatan seperti yang diterangkan sebentar tadi adalah sebagai tanda penghargaan Kerajaan terhadap khidmat yang taat setia, yang diberikan oleh sekalian kakitangan. Dengan itu adalah diharapkan semua kakitangan Kerajaan akan sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh menjalankan tugas masing-masing untuk melaksanakan dasar dan matlamat Kerajaan, semoga semua rakyat mengesap kebahagiaan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.42 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973" dibaca bagi kali yang kedua.

Pemeriksaan yang telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia ke atas bank-bank berlesen menunjukkan bahawa beberapa kejadian tidak sihat dan tidak diinginkan telah berlaku dalam pengurusan bank. Begitu juga

beberapa peruntukan didapati perlu dikemas-kan sejajar dengan masa dan keadaan tertentu. Untuk mengatasi masalah ini dan memperkemaskan pelaksanaan Akta Bank 1973, beberapa pindaan perlu dibuat kepada Akta tersebut seperti yang dibentangkan.

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah bertujuan meminda seksyen kecil 1(c) seksyen 26 Akta Bank 1973. Peruntukan yang ada sekarang, antara lain, melarang bank berlesen memberi pinjaman melebihi \$10,000 tanpa jaminan kepada sebuah firma yang mana bank itu sendiri atau salah seorang daripada pengarah-pengarahnya mempunyai kepentingan sebagai kongsi, pengurus atau ejen: atau kepada seorang individu atau firma yang mana salah seorang daripada pengarah bank tersebut menjadi penjamin. Peruntukan lain pula [Seksyen 26(1)(d)] melarang bank berlesen memberi pinjaman tanpa jaminan melebihi 6 bulan gaji (remuneration) kepada pegawai-pegawai atau pekerja-pekerjanya. Tetapi tidak ada peruntukan yang melarang bank berlesen daripada memberi pinjaman yang besar tanpa jaminan kepada firma-firma di mana pegawai atau pekerja bank tersebut menjadi kongsi, pengurus atau ejen. Untuk mencegah penyalahgunaan kuasa oleh seorang pegawai atau pekerja bank, terutamanya pegawai kanan bank, daripada memberi pinjaman untuk kegiatan perniagaan mereka sendiri maka pindaan perlu dibuat kepada Seksyen 26(1)(c)(ii) bagi melarang bank berlesen memberi pinjaman melebihi \$10,000 tanpa jaminan kepada firma-firma di mana bukan sahaja bank tersebut atau pengarahnya mempunyai kepentingan tetapi juga di mana pegawai dan pekerjanya juga mempunyai kepentingan yang sama.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah juga bertujuan meminda Seksyen 26(1)(c)(iii) Akta Bank 1973 untuk memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia supaya membenarkan bank-bank berlesen memberi pinjaman ke-

pada institusi-institusi kewangan tertentu seperti bank saudagar. Menurut peruntukan yang ada sekarang bank berlesen dilarang memberi pinjaman melebihi \$10,000 tanpa jaminan kepada syarikat-syarikat yang ada hubungan dengannya (*its related companies*) kecuali kepada bank-bank dan syarikat-syarikat meminjam yang berlesen. Oleh kerana takrif perkataan "pinjaman" termasuk juga "simpanan", samada simpanan semasa atau simpanan tetap, maka bank berlesen adalah dilarang membuat simpanan atau memberi pinjaman kepada institusi kewangan yang ianya ada hubungan selain daripada bank atau syarikat meminjam. Oleh kerana peruntukan ini menghadkan (*restrictive*) maka pindaan dicadangkan.

Fasal 3 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda syarat (d) di bawah Seksyen 27(1) bagi mencegah penyalahgunaan (*abuse*) dan menentukan semua pengarah-pengarah bank berlesen diberi peluang untuk membincang permohonan-permohonan pinjaman daripada pengarah-pengarah sendiri atau daripada pihak-pihak di mana mereka mempunyai kepentingan. Dengan pindaan ini kelulusan ke atas pinjaman seperti ini hendaklah dibuat dalam mesyuarat Lembaga yang penuh yang diadakan mengikut tata urusan bank tersebut. Oleh kerana peruntukan yang ada sekarang tidak menjelaskan perkara ini dengan terang, beberapa bank berlesen telah meluluskan pinjaman kepada pengarahnya dengan cara yang tidak memuaskan, umpamanya melalui ketetapan pekeliling (*circular resolutions*) sahaja tanpa sebarang perbincangan di dalam perjalanan mesyuarat Lembaga.

Fasal 4 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda peruntukan-peruntukan mengenai denda-denda bersabit dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Bank 1973 yang ditetap menurut Ordinan Bank 1958, dan tidak ada pindaan sejak daripada itu. Pindaan yang dicadangkan ialah untuk menambah jumlah maksimum denda-denda berkenaan yang pada umumnya sekarang ini

berjumlah tidak lebih dari \$5,000. Jumlah maksimam denda-denda itu sekarang ini didapati tidak memadai dan perlu dinaikkan. Kenaikan yang dicadangkan ialah sebanyak empat (4) kali ganda (iaitu kadar yang sama dengan pindaan yang dibuat kepada Kanun Keseksaan (Penal Code) dalam tahun 1976) bagi semua kesalahan-kesalahan di bawah Akta Bank 1973, kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 49 yang perlu dinaikkan lebih banyak lagi oleh kerana ianya melibatkan kesalahan yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.48 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang yang minta diluluskan ini iaitu meminda Akta Bank, 1973 saya tertarik dengan pindaan yang dibuat dalam Fasal 2 ini iaitu mengenai pinjaman yang diluluskan melebihi \$10,000 ertinya tidak diberi kepada Pengarah ataupun pekerja-pekerja bank itu sendiri. Saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini bahkan sebaliknya saya merasai bahawa sesuatu kekurangan di dalam pindaan Rang Undang-undang ini. Saya merasa bahawa pindaan ini patut dibuat dan dikemaskinikan lebih-lebih lagi bukan sahaja dikawal kepada Pengarah-pengarah Bank itu sendiri tetapi hendaklah dibuat satu peraturan yang khusus yang boleh mengawal Pengarah itu sendiri dan samada isteri ataupun anaknya yang mempunyai kepentingan yang diarah oleh Pengarah itu sendiri.

Saya dapati bahawa di zaman sekarang ini iaitu di zaman galakan yang diberi oleh Kerajaan kepada bumiputra ataupun siapa sahaja merebut peluang perniagaan dan peluang ini disambut dengan baik oleh seluruh rakyat dalam negeri ini maka sesuatu perniagaan yang hendak dijalankan mestilah

mempunyai modal yang cukup dan inilah masaalah-masaalah yang dihadapi oleh ke semua ahli-ahli perniagaan. Jadi kalau kawalan ini tidak diketatkan lebih lagi saya kuatir dan bimbang mungkin masih banyak peluang-peluang boleh dipergunakan ataupun salahguna kewangan ini boleh dilakukan sebagaimana telah diperakui sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sekejap tadi maka perkara ini akan terus berlaku sebab masih banyak peluang-peluang ataupun helah-helah boleh diletakkan. Apabila dikawal Pengarah ataupun pekerja-pekerja maka tentulah Pengarah ini akan dapat peluang meletakkan nama-nama isterinya ataupun anak-anaknya bagi kepentingan Pengarah-pengarah itu sendiri dan ini saya rasa pihak yang bertanggungjawab sudahpun mengetahui, bukan perkara ini ditakuti berlaku, saya rasa perkara ini sudah banyak berlaku tetapi tidak dikemukakan dengan seterang-terangnya di dalam Dewan ini sebagaimana telah diterangkan dengan seterang-terangnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sekejap tadi dalam kes Bank Rakyat. Saya harap dalam merangka pindaan-pindaan pelbagai ini dirangka dengan selengkap-lengkapnya supaya tidak akan teraniaya kepada orang-orang yang betul-betul berhak mendapat pinjaman.

Saya yakin dan percaya apabila kebocoran ini berlaku maka sudah tentulah wang yang akan diberi kepada orang yang sebenar-benar berhak mendapat pinjaman akan tidak dapat meminjam wang ini sebab wang ini telah disalahgunakan kepada jalan yang lain.

Saya rasa itulah sahaja pada pandangan saya patut benar pihak yang bertanggungjawab mengkaji semula dan menambah fasal-fasal lain ataupun dalam fasal ini supaya mengawal orang-orang sebagaimana yang saya sebut tadi yang bertanggungjawab kepada pengarah ataupun pekerja dalam bank itu sendiri yang digunakan hanya nama semata-mata tetapi kepentingan ataupun diarah oleh pengarah itu sendiri dalam satu-satu syarikat

yang berkenaan yang boleh menerima pinjaman-pinjaman daripada bank-bank yang tertentu dan kalau inilah juga terus menerus berlaku saya rasa tidak akan berjaya hasrat dan maksud cita-cita pindaan Rang Undang-undang ini.

5.53 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya percaya sebagaimana selalu dikatakan dalam Dewan yang mulia ini pilih kasih ini sediakala telah berlaku. Jadi saya berharap sangat sebarang apa pindaan yang kita buat maka di segi pilih kasih baik pengarah kepada sekeluarga itu patutlah juga kita awasi betul-betul.

Yang saya berharap sangat di segi bank ini kerana saya dapati contohnya sungguhpun kadar mana yang dibenarkan oleh peraturan tetapi walau macam manapun peraturan itu kadang-kadang tidak dijalankan, kalau dijalankan sekalipun mengikut kawan rakan, lebih tepatnya saya kata soal pertama tadi iaitu pilih kasih.

Misalnya kita kata had tidak boleh lebih daripada \$10,000 walaupun had \$10,000 itu diboleh tetapi ada juga kalau orang yang tidak berkenaan tetapi orang yang tersebut tidak diberi juga walaupun syaratnya boleh, kerana syarat yang membolehkan tadi ada dua pula, satu syarat di segi undang-undang, yang kedua syarat di segi kawan rakan dan kadang-kadang yang menyedihkan setengah daripada bank-bank mementingkan tentang cara perkauman. Walaupun syarat itu boleh dipinda maka kadang-kadang red-tape kata orang banyak sangat. Saya contohkan satu, misalnya MIDF. Walaupun benda itu diluluskan oleh Kerajaan tetapi kadang-kadang benda yang diluluskan itu tidak dibenarkan kerana red-tape terlampau teruk. Maka dengan sebab itu saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang yang baik ini, janganlah ada pilih

kasih terutama dalam bank-bank, janganlah kita pandang daripada cara perkauman dan sebagainya. Undang-undang kita ini bagus tetapi kadang-kadang cara pilih kasih tentang pandang memandang inilah yang membawa kadang-kadang segala bank sebagai kebencian kepada setengah orang kerana pilih kasih daripada pegawai-pegawai.

Satu lagi saya berharap tentang apa sekalipun biarlah pengarah ataupun pengurus projek segala bank ini dibanyakkan sedikit daripada kaum bumiputra kerana inilah tempat orang yang bergantung selain daripada pengarah yang besar-besar tentang pengurus kerja. Ini saya harap sangat. Kalau tidak niat Kerajaan untuk menolong bumiputra walau macam mana kita pinda sekalipun hajat itu tidak boleh sampai dengan 100%.

5.55 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bank, 1973 tetapi saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kenapakah Bank Negara diminta mengecualikan institusi-institusi kewangan yang tertentu seperti bank saudagar daripada peruntukan-peruntukan Seksyen 26(1)(c) yang mana Seksyen 26(1)(c) adalah melarang sesuatu bank daripada memberi pinjaman tidak bercagar melebihi \$10,000 kepada firma-firma dalam mana bank itu pengarah, pegawai atau pengarah kerja bank itu mempunyai kepentingan sebagai kongsi pengurus, ejen ataupun guarantee. Tujuan saya ialah sejauh manakah Undang-undang Bank Saudagar ini berlainan daripada bank biasa yang mana Seksyen 26(1)(c) ini dapat dilaksanakan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya juga menarik perhatian tidakkah kebenaran melalui Bank Saudagar ini akan merupakan satu loophole kepada undang-undang yang ditetapkan dalam Seksyen 26(1)(c). Saya minta penjelasan.

5.58 *ptg.*

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi, sebenarnya pindaan ini dicadangkan untuk membolehkan Bank Saudagar dimasuk ke dalam pindaan ini oleh kerana seperti saya katakan tadi perkataan "pinjaman" seperti yang tertera di dalam Akta asal itu atau seksyen di dalam Akta asal itu ialah termasuk simpanan. Maka kalau tidak dibenarkan Bank Saudagar ini maka adalah restrictive atau terhad terhadap mereka. Maka itulah diperluaskan supaya dapat melibatkan Bank Saudagar dan tidak akan terjejas seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi iaitu dilibatkan Bank Saudagar sekali di dalam pindaan ini.

Juga saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus dan juga dari Kangar atas komen-komen yang mereka buat.

Saya ingin menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus tadi iaitu dari segi tafsiran pengarah sebenarnya dalam Akta Bank, pengarah termasuklah juga isteri, suami, ayah, emak, anak lelaki atau anak perempuan pengarah. Jadi ini tidaklah diragukan lagi dan telah ada memperuntukkan.

Juga dari segi mengetatkan lagi Undang-undang Bank ini pihak Kerajaan akan sentiasa meneliti secara dinamis pergolakan di dalam sistem bank dan dari masa ke semasa kalau dianggap perlu untuk dipinda mana-mana pindaan akan dibuat dan inginlah saya menegaskan bahawa Bank Negara sendiri adalah mempunyai kuasa untuk meneliti sedalam-dalamnya perjalanan seluruh sistem Bank di negara ini dan dari semasa ke semasa pemeriksaan bank dibuat oleh Jabatan Pemeriksaan Bank di Bank Negara meneliti perjalanan tiap-tiap bank di negara ini termasuk jugalah finance company atau syarikat kewangan dan pemeriksaan ini adalah melibatkan bukan sahaja pinjaman-pinjaman yang telah dibuat kepada orang-orang awam tetapi juga pin-

jaman yang dibuat samada kepada pengarah ataupun pinjaman-pinjaman yang dianggap diselewengkan tadi iaitu di mana pinjaman dibuat kepada keluarga tetapi hanya pada nama sahaja dan apabila diketahui berlakunya perkara-perkara seperti ini ada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank yang membolehkan Bank Negara mengenakan apa-apa juga denda kepada bank tersebut dan amaran-amaran telahpun ada dikeluarkan kepada pihak-pihak bank yang telah menyelewengkan kuasa yang telah diberi dalam segi pinjaman ini. Dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus adalah diyakinkan ataupun ditegaskan bahawa pihak Kerajaan atau pihak Bank Negara sentiasa meneliti supaya tidak berlakunya penyelewengan dalam sistem bank kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah juga membangkitkan soal pilih kasih. Saya tidaklah dapat hendak mengatakan berlaku atau tidak melainkan kalau ada bukti yang menunjukkan sebenarnya berlaku. Tetapi seperti saya selalu menegaskan dalam Dewan yang mulia ini tiap-tiap permohonan yang diberikan oleh bank-bank mestilah berdasarkan kepada landasan-landasan atau dasar-dasar objektif iaitu saya selalu menegaskan pinjaman haruslah dibuat berdasarkan viability projek untuk mana pinjaman itu dipohon dan ada kalanya kadang-kadang kalau projek itu tidak betul viable ataupun marginal sahaja kerap kali bank-bank atau pegawai bank menolak tetapi bila ditolak projek-projek yang marginal ini atau yang mana daya hidupnya hanya kurang daripada syarat-syarat atau 50% kerap kali Ahli Yang Berhormat juga bangun menyatakan tidak mahu pula diberi pinjaman.

Saya rasa di sini pada dasarnya pegawai-pegawai bank adalah diminta mengikut landasan-landasan objektif dan juga selaras dengan beberapa dasar yang kita telah ada peruntukan untuk perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu peratus-peratus tertentu mesti disalurkan kepada golongan tertentu kepada jenis-jenis kegiatan ekonomi yang tertentu, tetapi jika ada pilih kasih yang memang

sewenang-wenangnya sengaja dilakukan, dan kalau ini telah dilakukan dan tidak dapat di-kesan serta-merta atau dengan secepat mungkin oleh pihak pemeriksa daripada bank misalnya, kalau Ahli Yang Berhormat mengetahui, silalah kemukakan kepada Bank Negara. Inilah tugas Jabatan Pemeriksa Bank di Bank Negara. Segala aduan yang dibuktikan berlaku, ini bolehlah diambil tindakan atau langkah-langkah yang tertentu dan lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah suci membuat komen dan menegur Akta Bank (Pindaan) ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA (PINDAAN) 1977

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.04 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang

di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) 1977 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Kilang dan Jentera, 1967 telah berkuatkuasa mulai awal tahun 1970 dengan tujuan mengawal kilang dari segi keselamatan kesihatan dan kebajikan mereka yang bekerja di dalamnya dan juga untuk tujuan mendaftar dan mengawal penggunaan alat-alat jentera samada yang menggunakan kuasa atau tidak selain daripada jenis-jenis kenderaan. Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan dibuat adalah kepada 4 seksyen di dalam Akta Kilang dan Jentera, sementara pindaan-pindaan lain adalah mengenai pindaan-pindaan kecil bagi membetulkan kesilapan bahasa sahaja.

Fasal 2 di dalam Rang Undang-undang adalah bagi meminda Seksyen 1 Akta Kilang dan Jentera supaya membolehkan Menteri menamatkan pengantungan kuatkuasa Akta itu di dalam mana-mana negeri yang mana Akta tersebut digantung kuatkuasanya.

Fasal 3 Rang Undang-undang adalah bagi meminda Seksyen 3 Akta Kilang dan Jentera. Seksyen 3 adalah mengenai tafsiran kapal-korek (dredge). Semenjak beberapa tahun Akta Kilang dan Jentera berkuatkuasa di-dapati bahawa jenis penggunaan alat kapal-korek dalam aktiviti-aktiviti sebagai perusahaan bijih timah, parit dan taliair dan pemulihan tanah telah mengalami beberapa kemajuan dari segi teknik. Ini memerlukan perluasan tafsiran perkataan kapal-korek (dredge) supaya meliputi jenis-jenis terbaru.

Fasal 4 di dalam Rang Undang-undang adalah bagi meminda Seksyen 32 Akta Kilang dan Jentera untuk membaiki procedures supaya membolehkan Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera mendapatkan maklumat mengenai pekerja dari mana-mana tempat perusahaan dan mengidapi penyakit khidmat (occupational disease). Mengikut procedure yang ada sekarang ini tiap-tiap pengamal

perubatan berdaftar (registered medical practitioner) yang merawat seseorang pekerja yang dipercayai mengidapi penyakit khidmat yang tertentu hendaklah memberitahu pengguna atau penghuni kilang (occupier of the factory) di mana pekerja-pekerja itu bekerja. Kemudian itu pengguna atau penghuni kilang itu dikehendaki memberitahu Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, akan tetapi sehingga sekarang Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera tiada menerima sebarang pemberitahuan tentang pekerja-pekerja yang mengidapi penyakit khidmat daripada penghuni atau pengguna kilang, walaupun ada kemungkinan terdapat pekerja-pekerja yang mengidapi penyakit berkenaan. Oleh itu dengan pindaan yang dicadangkan dibuat kepada Seksyen 32 pihak pengamal perubatan berdaftar (registered medical practitioner) akan dikehendaki menyampaikan laporan kes-kes berkenaan terus kepada Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera dan salinannya kepada penghuni atau pengguna kilang yang menggaji pekerja itu.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah disedari bahawa semakin bertambah bilangan kilang-kilang dan tempat-tempat perusahaan terutama yang melibatkan proses-proses kimia yang merbahaya, kemungkinan pekerja-pekerja dalam kilang-kilang berkenaan mendapat penyakit khidmat akan bertambah juga. Oleh itu bagi mengelakkan atau mengesan berlakunya penyakit-penyakit khidmat di kalangan pekerja-pekerja adalah perlu diambil tindakan-tindakan yang sesuai untuk menyelamatkan pesakit bahkan juga lain-lain pekerja yang bekerja di dalam suasana yang sama dengannya. Dengan persetujuan bersama daripada pihak Persatuan Perubatan Malaysia dan Kementerian Kesihatan adalah diputuskan supaya pengamal-pengamal perubatan yang berdaftar memberitahu kejadian-kejadian penyakit khidmat terus kepada Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera yang dijangka akan mengambil langkah-langkah yang perlu.

Fasal 5 dalam Rang Undang-undang adalah mengenai pindaan kepada Seksyen 55 dalam

Akta Kilang dan Jentera dan bertujuan untuk mengecualikan kilang-kilang dan jentera-jentera yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri daripada beberapa peruntukan Akta tersebut sepertimana kilang-kilang dan jentera-jentera yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan dikecualikan pada masa ini.

Fasal 6 dalam Rang Undang-undang adalah untuk membetulkan kesilapan bahasa di dalam beberapa seksyen di dalam Akta Kilang dan Jentera, 1967. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.10 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bagi menyokong Akta Kilang dan Jentera (Pindaan) 1967 dan saya berpendapat bahawa masanya telah tiba dan kena pada tempatnya Akta pindaan ini dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Cuma satu perkara sahaja yang menimbulkan kebimbangan saya iaitu mengikut Fasal 5 pindaan bagi Seksyen 55 yang bertujuan untuk mengecualikan kilang-kilang dan jentera yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri daripada beberapa peruntukan Akta itu hingga takat yang sama seperti kilang-kilang dan jentera yang dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan. Pendekata kilang-kilang di bawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan hendaklah dikecualikan daripada beberapa peruntukan-peruntukan yang tertentu daripada Akta tersebut.

Perkara yang saya hendak timbulkan ialah mengapakah kilang-kilang di bawah Kerajaan Persekutuan dan kilang-kilang di bawah kelolaan Kerajaan Negeri dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan Akta Kilang dan Jentera itu, kerana pada pendapat saya ada baiknya peruntukan Akta ini menyeluruh bukan sahaja kepada pihak swasta

tetapi juga kepada pihak kilang-kilang di bawah kelolaan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan, kerana kita tidak mahu memberi gambaran seolah-olah kita mengujudkan double standard atau ukuran dua-hala, satu untuk pihak swasta dan satu lagi bagi pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Saya percaya bahawa itu bukanlah tujuan Yang Berhormat Timbalan Menteri membawa pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah membawa pandangan untuk timbangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memansuhkan apa yang dikecualikan iaitu dalam keadaan sekarang ini kilang-kilang Kerajaan di bawah Kerajaan Persekutuan dikecualikan. Saya berharap kalau boleh dipertimbangkan supaya keadaan yang dikecualikan kepada kilang-kilang di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan dimansuhkan supaya semua kilang-kilang samada di bawah Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan ataupun dikelola oleh pihak swasta, iaitu undang-undang yang sama tidak ada beza-membeza di antara kilang-kilang Kerajaan dan kilang-kilang yang dikelola oleh pihak swasta. Dengan cara itu, saya percaya akan mengujudkan suasana dan keadaan yang lebih baik dan akan menerima sokongan yang begitu hebat dari semua pihak yang berkenaan, dan sebagai sebuah Kerajaan, Kerajaanlah yang sepatutnya yang menjadi barisan hadapan sekali untuk menunjukkan tauladan kepada pihak-pihak lain untuk mengikutinya.

Saya minta maaf, kalau saya menyatakan bahawa di dalam keadaan sekarang ini sepertimana yang diutarakan di bawah Akta ini seolah-olah Kerajaan hendak lari daripada tanggungjawabnya. Pihak swasta sahaja yang mesti dikenakan dengan berbagai-bagai syarat dan seolah-olah Kerajaan pula takut dengan sekatan-sekatan dan tanggungjawab yang diperlukan di bawah Akta ini. Saya yakin dan percaya bahawa itu bukanlah hasrat dan sikap dan tujuan Kerajaan. Oleh yang demikian, saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan

untuk mempertimbangkan supaya ada satu sahaja undang-undang untuk perkara yang kita bincangkan ini baik untuk kilang-kilang di bawah pihak swasta ataupun kilang-kilang di bawah Kerajaan Negeri atau Persekutuan.

6.14 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta Kilang dan Jentera, 1967.

Saya tertarik kerana didapati ada dua jenis Akta atau sistem yang mana di pihak swasta kita mempunyai satu syarat khas dan pihak Kerajaan pula berlainan. Dalam perkara ini, ingin saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab mengenai masalah kebajikan pekerja-pekerja di kilang-kilang yang mana banyak menggunakan jentera-jentera dan ada di antara jentera-jentera ini boleh mendatangkan bahaya sekiranya ada berlaku sebarang kemalangan. Daripada pindaan kepada Akta ibu, masalah kilang dan jentera ini sejauh manakah penguatkuasaan Kementerian Buruh mengenai pekerja-pekerja yang boleh dibayar suguhati (compensation), sekiranya berlaku sebarang kemalangan sewaktu menjalankan tugas terutama sekali sekiranya pekerja-pekerja itu menjalankan tugas di dalam kilang-kilang yang dipunyai oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sendiri. Adakah mereka ini akan menerima bayaran suguhati yang serupa seperti bayaran suguhati yang dibayar oleh pihak swasta kepada pekerja-pekerjanya yang menerima kemalangan tersebut. Saya juga bersetuju dengan pendapat sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang bertanya mengapakah perbezaan undang-undang antara jentera-jentera dan kilang-kilang yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri dan Pusat dengan kilang-kilang dan jentera-jentera yang dipunyai oleh pihak swasta dan sejauh manakah undang-undang daripada Kementerian Buruh meminta kepada majikan

(employers) supaya ada di antara kilang-kilang itu berkehendakkan pekerja-pekerjanya mesti diberikan insuran, supaya apabila berlaku sebarang kemalangan, mereka ini akan mendapat saguhati yang sesuai.

Pada hari ini apabila kita sebut jentera, saya percaya ini termasuklah juga kereta-kereta yang dipunyai oleh Kerajaan, termasuklah kereta-kereta tentera yang tidak mempunyai insurance coverage. Sekiranya berlaku sebarang kemalangan antara pihak orang ramai dengan jentera-jentera atau kereta-kereta yang dipunyai oleh Kerajaan, ini akan menimbulkan satu kesulitan yang amat sangat di kalangan orang ramai khususnya kereta-kereta kepunyaan tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Menteri yang bertanggungjawab supaya pihak orang ramai tidak terkorban.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta ini.

6.18 ptg.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menegaskan bahawa Akta ini atau pindaan yang dibawa kepada Akta ini tidak bertujuan untuk mengabaikan soal-soal keselamatan atau kesihatan atau kebajikan pekerja-pekerja dalam jentera-jentera dipunyai oleh Kerajaan samada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Akta asal dalam Seksyen 55 telah mengecualikan jentera-jentera yang dipunyai oleh Government of the Federation daripada beberapa seksyen dalam Akta tersebut iaitu seksyen-seksyen yang berkenaan dengan kehendak-kehendak lesen diberi sebelum jentera-jentera itu dibina atau kehendak-kehendak untuk Ketua Pemeriksa dan Jentera bagi memeriksa jentera-jentera itu dari masa ke semasa seperti yang dijadualkan dalam regulations yang dibuat di bawah Akta ini atau seksyen-seksyen yang berkenaan

dengan pembayaran-pembayaran di atas inspection yang dibuat oleh Jabatan Jentera. Ini adalah oleh kerana memandangkan kepada urusan-urusan Kerajaan dan bahagian-bahagian Akta asal itu mengenakan kehendaknya safe working procedures, safe working environment dan lain-lain kehendak yang terus dikuatkuasakan kepada jentera-jentera yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan juga mengenai steam boilers, lifts atau lain-lain jentera yang diawasi sangat oleh Jabatan Jentera adalah juga diawasi dalam publik sektor, Kerajaan Persekutuan dan lain-lain, tetapi masalah yang diliputi oleh pindaan yang dibawa dalam Rang Undang-undang ini adalah bahawa dalam Seksyen 55 perkataan yang digunakan adalah exemption to Government of the Federation daripada seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi dan ini telah ditafsirkan sebagai tidak termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri yang sekarang ini dengan adanya kegiatan-kegiatan mereka dalam bidang ekonomi dan lain-lain sudah juga mempunyai jentera-jentera yang diliputi oleh undang-undang ini dan pindaan yang dibawa hanya untuk menerangkan tafsiran yang diberi kepada Government of the Federation dalam Seksyen 55 ini.

Saya dapat memberi segala jaminan bahawa kehendak-kehendak undang ini untuk menyelamatkan pekerja-pekerja kita daripada kemalangan, kecederaan, kesihatan mereka dalam suasana pekerjaan dan lain-lain akan terus dikuatkuasakan dalam jentera-jentera yang dipunyai oleh kilang-kilang atau jentera-jentera yang dipunyai oleh Kerajaan seperti juga di dalam private sector. Hanya procedures yang diguna adalah berlainan sedikit memandangkan kepada kedudukan Kerajaan.

Mengenai soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak iaitu adakah pembayaran compensation atau pampasan dan lain-lain menjadi kesusahan oleh kerana exemption ini. Dengan penjelasan yang saya berikan tadi adalah jelas bahawa ini tidak akan timbul dan pembayaran compensation dan lain-lain sebenarnya tidak kena-mengena

dengan undang-undang Factories and Machinery Act ini.

Begitu juga mengenai kereta-kereta Kerajaan yang sekarang ini tidak dikehendaki mempunyai insuran, saya fikir Akta Factories and Machinery ini tidak kena-mengena dengan motor vehicles seperti itu dan perkara-perkara seperti itu adalah di bawah jagaan pentadbiran Perbendaharaan dan lain-lain, dan bukan dikuatkuasakan di bawah Factories and Machinery Act 1967.

Sekianlah sahaja dan saya ucapkan terima kasih atas pandangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Aturan Urusan Mesyuarat dan Pemberitahu Usul hari ini sudah selesai. Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 20hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.26 petang.